

SATU KAJIAN PHENOMENOLOGIKAL TENTANG LATAR-BELAKANG SOSIO-EKONOMI
PERYALAHGUNA-PERYALAHGUNA DADAH

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Oleh
No. Matrik 20765

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
SEPTEMBER 1977

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Synopsis

This Writting of graduation exercise is composed of four chapters. The first chapter is devoted to the various aspects being important to the accomplishment of the research. There includes the clarification of ~~of~~ the aim of study, of the significance of the study as well as of certain concepts and definitions. These parts were carefully manouvre before the author did the actual fieldwork, so much so that the research practice had been nicely carried out without major hitches. The remaining parts of the chapter discuss ~~the~~ types of drugs and location of data collection. The description of various drugs being commonly abused in Malaysia is intended to make the following discussions much clearer, since the difference between various effects of drugs be it of social or physiological contexts, is much felt. Regarding location of data collection; this is written rather precisely. It is because the area of research is abstractly away from the site of collecting data.

Chapter two takes on the descriptions of the abusers' lifestory. This chapter actually acts as a supplementary forms to the theme of the research which is in Chapter three. By knowing the "profiles in pains" can help us in understanding the drug-abusers as personified individuals. It is hoped that the inclusion of this chapter will make readers of this report much closer to the real problem of drug-takings.

Coming to third chapter, is then a main emphasis of the research, that is a phenomenological study on a sample of 50 respondens. This is a tabular analysis which took on four aspects of drug-abusers. Firstly, the discussion centres on the socio-economic background of the respondens themselves. Secondly is from the family aspect. Third aspect is concise discussion of subjects' place of residence. The last aspect concerns the interplay between various variables such as age, schooling, cigarettes, and alcohol taking, source of income and crime.

The ^{last} chapter concludes the discussions in the preceding chapters. Besides that the author likes to touch on the weaknesses of the study and also to propose some recommendations for future study.

Also included are few illustrations to make this report more enjoyable to glance through.

Sinopsis

Penulisan latihan ilmiah ini mengandungi empat bab. Bab yang pertama menumpukan keatas beberapa aspek yang penting bagi menjayakan pengkajian ini; Termasuk ialah penjelasan tentang tujuan kajian, tentang kepentingan kajian serta konsep dan definisi tertentu. Bahagian-bahagian ini telah diatur sebelum pengarang menjalankan kajianluar sebenar supaya latihan kajian dapat dijalankan dengan baik tanpa halangan-halangan yang besar. Bahagian-bahagian yang lain membincangkan jenis-jenis dadah dan tempat pengutipan data. Deskripsi beberapa dadah yang sering disalahgunakan diMalaysia adalah bertujuan untuk membuat perbincangan-perbincangan yang berikut lebih gampang kerana perbedaan antara kesan-kesan dadah samaada dari konteks sosial ataupun fisiologikal, adalah dirasakan. Berkenaan dengan tempat pengutipan data; ini ditulis secara ringkas . Ini oleh kerana kawasan kajian sebenarnya tidak sama dengan tempat pengutipan data; kawasan kajian adalah secara abstrak.

Bab kedua membuat penerangan tentang cara hidup penyalahguna-penyalahguna dadah. Sebenarnya bab ini bertindak sebagai sokongan kapada tema kajian iaitu dibab tiga. Dengan mengetahui profail-profil dalam kesakitan dapat menolong kita dalam memahami penyalahguna-penyalahguna dadah sebagai personified individuals. Adalah diharapkan dengan memuatkan bab ini akan menarik para pembaca lebih rapat lagi kapada masalah sebenar penyalahgunaan dadah.

Dengan bab tiga ialah penekanan yang utama dalam kajian ini, iaitu satu kajian phenomenological keatas sampel seramai 50 orang. Ini adalah analisa berjadual yang melihat empat aspek tentang penyalahguna dadah. Pertama, perbincangan menumpukan keatas latar-belakang sosio-ekonomi responden. Kedua, ialah dari aspek keluarga. Aspek ketiga ialah perbincangan ringkas mengenai tempat kediaman responden. Aspek terakhir ialah mengenai perhubungan antarabeberapa angkubah seperti umur, persekolahan, rokok dan alkohol, subber wang dan jenayah.

Bab terakhir menyimpulkan perbincangan-perbincangan sebelumnya. Disamping itu pengarang suka untuk menyentuh tentang kelemahan-kelemahan kajian, dan memberi cadangan untuk kajian masa depan.

Juga dimuatkan beberapa illustrasi untuk menyerikan lagi lapuran ini.

KANDONGAN

MUKASURAT

Penghargaan	I
Sinopsis	II
Senarai Jadual	VII
Senarai Illustrasi	VI
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Tujuan Kajian	2
1.2 Bidang dan Batas Kajian	4
1.3 Kepentingan Kajian	5
1.4 Metode-metode Pengutipan data	6
1.5 Kesulitan Kajian	6
1.6 Konsep-konsep dan Definasi	8
1.7 a) Dadah dan Narkotik	8
b) Penagihan dan Penyalahgunaan Dadah	9
1.7 Jenis-jenis Dadah dan kesan-kesannya	10
1.8 Tempat Kajian	12
Nota-nota dan Rujukan	
BAB 2 PROFAIL-PROFAIL PENAGIH-PENAGIH DADAH	15
2.1 Responden A	15
2.2 Responden B	19
2.3 Responden C	20
2.4 Responden D	22
BAB 3 LATAR-BELAKANG SOSIO-EKONOMI PENYALAHGUNA DADAH	25
Bahagian A <u>Karakteristik-karakteristik sosio-ekonomi</u>	
<u>penyalahguna dadah</u>	25
3.1 Ras	25
3.2 Umur	26
3.3 Pelajaran	27
3.4 Pekerjaan	28
3.5 Taraf Perkawinan	28
3.6 Pegangan Ugama	28
Bahagian B Latar-belakang sosio-ekonomi Keluarga	29
3.7 Pelajaran ibu dan bapa	29
3.8 Pekerjaan ibu/bapa	30

3.9	Hubungan dan Keadaan Keluarga	30
3.10	Ibu/bapa, Rokok, Alkohol dan D _a dah	31
Bahagian C	<u>Latar-belakang Kediaman Responden</u>	32
3.11	Bentuk Penginapan	32
3.12	Keadan Tempat Kediaman	33
Bahagian D	<u>Aspek-aspek penting</u>	33
3.13	Ras dan Dadah	33
3.14	Pekerjaan, Sumber kewangan dan Jenayah	34
3.15	Umur dan DAdah	35
3.16	Rokok, alkohol dan Persekolahan	37
3.17	Perbelanjaan dan Tempoh Penyalahgunaan dadah	38
3. 18	Gambaran penuh Sequence penggunaan dadah	38
NOTA DAN RUJUKAN		
BAB 4	<u>PENUTUP</u>	41
4.1	Kesimpulan	41
4.2	Kelamahan-kelemahan	43
4.3	Syor-syor untuk Majian	43
4.4	Am	43
Jadual	JAdual	44
BIBLIOGRAFI		53
SOAL	<u>SELIDEK</u>	

SENARAI ILLUSTRASI


1. Dadah dan Kuminis
2. Ganja dan kartus ganja
3. Morphine
4. Heroin
5. Candu
6. Teknik-teknik mengambil dadah
7. Jab Heroin
8. Tangkap fit
9. Poster Bahaya Dadah
10. Penagih-penagih yang disyaki melakukan Jenayah
11. Overdose
12. Kempen-kempen Dadah
13. Jalinan Keluarga
14. Penagih dan Jenayah
15. Penagih responde dengan menghadap mith-haradik
16. Penagih responde pada pengalaman pengalaman
17. Jenayah akibat pengambilan dadah yang mengikut ras
18. Jenayah akibat pengambilan dadah yang mengikut usia
19. Jenayah akibat pengambilan dadah yang mengikut gender
20. Pengambilan akibat tembol, gembok atau jutuk perbelanjaan sehari
21. Penilaianan Pendakwaan terhadap persekutuan
22. Sistem Pendakwaan

SENARAI JADUAL

1. Distribusi responden mengikut ras dan dibandingkan dengan peratus ras penduduk Wilayah Persekutuan
2. Distribusi responden-responden mengikut umur dengan ras
3. Distribusi pekerjaan mengikut ras
4. Distribusi Pelajaran responden mengikut ras
5. Perbandingan antara pekerjaan responden dengan pekerjaan bapa
6. Taraf Perkawinan responden
7. Pegangan Ugama responden
- 7a. Distribusi Pelajaran ibu/bapa responden
8. Perbandingan antara pelajaran responden dengan pelajaran bapa
9. Pekerjaan Bapa dan ibu responden
10. Pendapatan ibu/bapa
11. Kedudukan ibu/bapa
12. Hubungan keluarga
13. Penagihan ibu/bapa
14. Peratus responden mengikut bilangan adik-beradik
15. Peratus responden yang cara penginapan
16. Jenis-jenis dadah yang disalahgunakan mengikut ras
17. Jenis-jenis jenayah yang dilakukan oleh penagih menikut taraf Pekerjaan
18. Kekerapan satu-satu dadah yang digunakan mengikut umur
19. Perbandingan antara tempoh penagihan dengan jumlah dadah yang pernah disalahgunakan
20. Perbandingan antara tempoh penagihan dengan jumlah perbelanjaan sehari
21. Penlibatan Pendadahan ketika persekolahan
22. Sequence Pendadahan

It's when things seem worst that you mustn't quit.

Leo Piccott.



Heroin Invades Malaysia

BAB 1 PENGENALAN

Penggunaan dadah sebenarnya sudah berlaku dalam Zaman Yunani, Mesir tua, Sumeria dan Assyria lama sebelum kelahiran Nabi Isa. Dari bukti bertulis dari zaman itu menunjukkan candu digunakan untuk pengubatan. Walaubagaimanapun penggunaan candu untuk keseronokan mula tersebar di Asia Timor dalam abad ketujuhbelas. Kehebatan gejala baru ini akhirnya telah meletuskan Perang Candu di negeri Cina (1839-1842). Akibat dari penyebaran penggunaan candu untuk keseronokan yang melanda luas disebelah sini maka dalam tahun 1913, 13 buah negara telah menubuhkan International Opium Commission untuk menghadapi masaalah penyalahgunaan candu itu. Manakala itu di Amerika Syarikat penyalahgunaan dadah sudah mula melarat setelah tamat perang saudara. Maka dalam 1914 dianggarkan terdapat seramai 264,000 penagih dinegara tersebut.¹

Bertitiktolak dari kejadian-kejadian sejarah tersebut, maka penyalahgunaan dadah sudah melanda dibanyak negara, tanpa mengenali batas-batas ethnrik, budaya dan geografik. Disana-sini para sarjana, intelek, ahli politik dan sebagainya sangat rancak membahaskan tentang hal dadah yang dianggap sebagai satu penyakit sosial yang amat berat. Perkara ini nyata terlihat dalam dua petikan dibawah;

"Until recently, widespread drug addiction seemed to be an exclusively American phenomenon. But now a full-scale heroin epidemic has broken out in Western Europe. Law-enforcement official estimate that several hundred thousand Europeans are now hooked on the deadly drug -- and they add that the problem is rapidly getting worse."²

"Penyalahguna dadah bukannya sahaja suatu masaalah kesihatan bahkan juga akan memecahbelahkan peraturan masyarakat yang telah pun diterima. Ia akan memburukkan sesaorang dan memundurkan sesuatu masyarakat. Bilangan belia-belia kita yang telah menyalahdadah untuk melepaskan diri dari sesuatu kian meningkat dan sebenarnya perbuatan mereka itu menjeratkan diri mereka..... Penyalahguna dadah adalah berjangkitan."³

Malaysia yang dulukala tidak begitu ambil pusing tentang bahaya gejala dadah ini nampaknya akhir-akhir ini tampak begitu mengambil berat

dalam hal ini menghapuskan penyakit dadah. Penyalahgunaan dadah di Malaysia maupun dilain-lain negara tertumpu keatas anak-anak muda dari berbagai kaum. Mereka adalah bakal tulang-belakang negara. Tak hairanlah jika kerajaan Malaysia telah mengistiharkan masaalah dadah sebagai satu ancaman yang sama berat dengan ancaman kuminis. Bahkan kerajaan sudah ada bokti-bokti menunjukkan kegiatan dadah sudah diperalatkan oleh pihak kuminis. Misalannya seperti yang tersiar dalam akhbar New Strait Times tanggal 16hb dan 20hb April 1977, sebuah makmal memproses heroin dan rangkaian penawaran (supply network) didaerah Sadao, Selatan negara Thai telah dibongkar oleh pasukan keselamatan Thai dalam operasi Daoyai-Musnah 11 (Big Star 11). Penglibatan anasir kuminis dengan kegiatan dadah tidak perlu disangkal lagi kerana penjualan dadah boleh mendatangkan sumber wang yang banyak dan ini dapat membantu pihak kuminis untuk membeli bekalan-bekalan logistik. Dan juga kerana dadah boleh mengurangkan kemantapan golongan pemuda-pemudi — satu strategi jangka panjang.

Setakat ini beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang telah disusun oleh pihak kerajaan untuk memerangi ancaman dadah. Pertama sekali kerajaan telah mengubal Akta Dadah Merbahaya (Pindaan) 1975, dan juga menubuhkan Pusat Biro Narkotik. Disamping itu tiga buah pusat pemulihan dadah telah didirikan iaitu di Kuala Kubu Bahru, Tampoi, dan Butterworth. Kesedaran dari rakyat juga ternyata sekali seperti sambutan mereka kepada pembentukan Persatuan Mencegah Salahguna Dadah Malaysia (PEMADAM).

1.1 Tujuan Kajian

Keadaan masaalah penyalahgunaan dadah adalah satu yang komplek lagi tersembunyi. Kegiatan-kegiatan penggunaan dadah oleh ramai golongan muda-mudi dilakukan secara sulit sehingga keadaan yang sebenarnya tidak akan dapat diketahui oleh pihak berkuasa maupun orangramai. Banyak kajian yang dibuat oleh pengkaji Barat seperti Isidor Chein dan rakan-rakan, Jordan Scher, Erich Goode dan lain-lain lagi adalah berdasarkan keatas bahan-bahan resmi. Dalam kajian ini juga bahan-bahan resmi digunakan. Dan tujuan kajian ialah untuk menghuraikan latar-belakang sosio-ekonomi penyalahguna-penyalahguna dadah serta Maitan-kaitan antara beberapa angkubah sosio-ekonomi tersebut. Disamping itu kajian juga menyentoh tentang aktiviti-aktiviti kehidupan empat orang penyalahguna dadah.

SUARA MERDEKA

ANTARA DADAH DAN KOMUNIS

OLEH—
RUHI
HAYAT

Negeri yang ada hubungan
dengan pihak
polis m...



Dua berita yang tersiar serentak dalam sebuah surat-khabar harian baru-baru ini sungguh menarik perhatian saya.

Pertama berkenaan dengan kejayaan pihak polis di Kuala Lumpur merampas di sebuah hotel dadah yang bernilai sebanyak \$5.6 juta ringgit.

Kedua berkenaan dengan kejayaan pihak polis di Singapura menghancurkan kegiatan sebuah sindiket yang memalsukan tiket-tiket kapal terbang.

Saya tertarik kerana se-
sembaca keduanya
“...nya: Apa
“...”

20/4/77
**Capture of
Red lab
cuts off
drug line**

KUALA LUMPUR, Tues. — The main drug supply link from the North has been cut off with the uncovering of communist terrorist heroin production laboratory in southern Thailand, sources said today.

According to the sources, the shortage of heroin in Thailand has been acute since the

Narcotics network cut

ST 16/4/77

Red drug lab found

ADYAI, Fri. — Thai se-

Gen. Yuthasak said 6-lb of heroin No. 5, more than 200 tubes for

have in this district. All the dence shows how well en-

Perlu dinyatakan disini pengkajian dadah adalah dalam konteks pendekatan Phenomenologi yang dipelopori oleh Edmund Husserl, seorang ahli falsafah Jerman dalam awal abad kedua-puluhan. Kaedah pendekatan ini boleh dijelaskan dalam petikan berikut;

".....The primary of which is the direct investigation and description of phenomena as consciously experienced, without theories about their causal explanation and free as possible from unexamined preconceptions and presuppositions."⁴

Apa yang ingin dikaji berkenaan latar-belakang sosio-ekonomi penyalah-penyalahguna dadah ia-lah;

Ras

Umur

Pelajaran dan pekerjaan

Pelajaran dan pekerjaan ibu/bapa responden

Taraf perkawinan

Pegangan ugama

Hubungan dan keadaan keluarga

Bentuk penginapan responden

Keadaan tempat kediaman

Disamping itu faktor-faktor diatas juga diolah secara kaitan antara satu sama lain. Diselitkan juga nanti beberapa aspek-aspek penting lain seperti pola pengambilan dadah, sumber kewangan dan sebagainya.

Akhir sekali ialah harapan kajian ini dapat menyumbangkan faedah yang kecil bagi menambahkan lagi pengetahuan (yang berbentuk saintifik) mengenai fenomena penagihan dadah yang kompleks lagi tersembunyi.

1.2 Bidang dan batas kajian

Kajian ini dilakukan di Pusat Pemulihian Dadah, Kuala Kubu Bahru, Selangor. Sampel kajian ialah seramai 50 orang responden yang dipilih secara random; ia-itu nama-nama responden yang berselang satu. 50 orang responden ini adalah dari jumlah penghuni pada ketika kajian dijalankan ia-itu seramai 98 orang. Walaubagaimanapun 50 orang responden tadi hanya-lah yang datang dari Wilayah Persekutuan. Dan bolih dikatakan peratus penghuni yang datang dari Wilayah Persekutuan adalah 90 peratus.

Population bagi kajian ialah jumlah penghuni yang datang dari

Wilayah Persekutuan dan yang telah menjalani pemulihan dipusat ini dalam tempoh masa dari Januari 1976 hingga Februari 1977. Jadi jumlah population bagi kajian ialah seramai 146 orang.

Pemilihan keatas responden yang datang dari Wilayah Persekutuan kerana fokus kajian ialah keatas masaalah penyalahgunaan dadah dikawasan tersebut. Ini tidak bermakna bahawa hasil dari kajian dapat menerangkan dengan menyeluruh keadaan penyalahgunaan dadah di Wilayah Persekutuan. Tapi ingin ditekankan disini bahawa segala keputusan kajian yang didasarkan keatas sampel tadi hanya mewakili population yang seramai 146 orang. Walaubagaimanapun laporan keputusan tersebut boleh digunakan untuk "reflection" kapada keadaan latar-belakang sosio-ekonomi penyalahguna-penyalahguna dadah dikawasan itu. Dalam konteks yang luas ini keputusan kajian bertindak tidak lebih sebagai panduan kerana keadaan yang sebenar sukar dikesan oleh mana-mana pihak; lagipun sampel kajian boleh dikatakan kecil. Keadaan sebenar masaalah dadah ini sukar diketahui kerana penyalahgunaan dadah adalah satu kegiatan yang sulit maka data-data resmi yang berdasarkan tangkapan dan penyerahan diri untuk rawatan mungkin merupakan jumlah yang jauh dari lengkap.

Kajian menggunakan responden yang sedang menjalani pemulihan dadah, oleh itu boleh diangap bahawa penagih-penagih yang datang meminta rawatan dan pemulihan tidak mendapat representation dari penagih-penagih kelas atasan atau golongan berada. Mereka biasanya menemui dokter-dokter swasta untuk rawatan. Di atas anggapan ini pengarang ingin memberi ingatan bahawa keputusan kajian ini harus diteliti atas anggapan bahawa penagih-penagih kelas atasan atau golongan berada tidak diwakili dengan sempurna.

1.3 Kepentingan Kajian

Oleh kerana kajian ada menyentuh tentang butir-butir "nyata" iaitu "phenomenological" berkenaan penagih dan kegiatan penyalahgunaan dadah, maka aplikasinya dapat membantu pihak yang berkenaan dalam memahami sasaran bagi perencanaan projek mereka. Sungguhpun sumbangan kajian dari segi ini boleh dikatakan kecil tapi sekurang-kurangnya ia sebagai satu langkah yang positif. Maksudnya disini ialah aplikasi dari satu kajian ilmiah adalah sistemmatik dan empirikal. Oleh yang demikian pengalaman-pengalaman mereka misalnya dalam tugas penguatkuasaan undang ataupun tugas

kaunseling dapat dipandu dan disokong supaya menuju kearah perlaksanaan yang lebih berkeyakinan.

1.4 Metode-metode Pengutipan Data

Metode yang asas bagi penyelidikan ilmiah ini ialah temu-ramah secara persendirian. Soalan-soalan yang dikemukakan telah disediakan dalam kertas soal-selidek dan segala jawapan dicatatkan dikertas soal-selidek itu sendiri (contoh soal-selidek dapat dilihat dimuka 55). Olih itu tiap-tiap responden menerima bentuk soalan yang serupa. Bentuk soalan ada yang bercorak pilihan (close-ended) dan ada yang berbentuk terbuka (open-ended).

Selain dari metode diatas, pengarang juga membuat perhatian yang informal keatas responden dalam kegiatan mereka sehari-hari. Ini semata-mata untuk membantu pengarang bagi mendapatkan gambaran tentang bentuk interaksi dan cara mereka menghadapi peraturan-peraturan yang dikenakan keatas mereka. Olih itu metode ini tidak akan membawa kapada keterangan yang ditunjukkan dalam lapuran secara objektif tapi ia seperti tersirat didalam perbincangan yang dikemukakan kelak.

Tidak kurang pentingnya ialah perbincangan-perbincangan antara pengarang dengan pegawai-pegawai dari Kementerian Kebajikan, Pusat Biro Narkotik dan Pusat Pemulihan Dadah yang menghasilkan buah-buah fikiran dan matlamat yang berfaedah bagi kajian ini.

1.5 Kesulitan Kajian

Tiap-tiap kajian sudah pasti menemui berbagai masaalah. Maka kajian ini tidak terkecuali dan berikut akan dinyatakan kesulitan-kesulitan yang timbul serta penyelesaian keatas kesulitan tadi.

Pertama, kesulitan yang dihadapi ialah berkenaan dengan perancangan untuk membuat penyelidikan. Perancangan ini adalah sangat mustahak dilakukan dengan terperinci supaya perlaksanaan kajian seperti pengutipan data dan interpretasi dapat dijayakan dengan licin. Mula-mula pengarang merujuk bahan-bahan bacaan yang berkaitan dan setelah mendapat gambaran yang agak luas dan jelas lalu selepas itu membuat perhubungan dengan agensi-agensi pencegahan dan pemulihan sebagai langkah untuk menetapkan tujuan

dan tempat penyelidikan. Setelah nyata apa yang harus dilakukan dan dituju maka kajian sebenar diusahakan.

Kesulitan kedua ialah dalam mendapatkan data-data yang reliable dari responden. Responden boleh dikatakan sudah masak bercakap yang tidak benar kerana untuk mereka menjalani kegiatan penyalahgunaan dadah, sifat demikian adalah perlu. Olih itu segala keterangan yang diberikan oleh responden-responden diuji kebenarannya. Cara mengujinya ialah dengan memerlukan keterangan dari satu responden dengan yang lain diatas satu-satu aspek yang pengarang sedar harus ada "consistency" dalam jawapan dari setiap responden. Misalannya dengan menyoal tentang kesan dari penggunaan heroin dapat dibandingkan dengan jawapan responden lain dan didapati tidak jauh berbeda maka keterangan responden tadi boleh diharapkan. Satu cara lagi ialah dengan melihat rekod-rekod resmi tentang butir-butir seperti pekerjaan, tarafpelajaran kegiatan pendadahan dan sebagainya, dapat membantu menentukan "reliability"⁵ keterangan responden.

Dalam pengutipan data ini pengarang berpendapat tidak ada berlaku yang responden mungkin tidak faham tentang soalan kerana pengutipan data adalah secara temu-ramah maka pengarang boleh menyaksikan samaada responden itu benar-benar faham apa maksud soalan yang dikemukakan. Mana-mana soalan yang tidak begitu difahami akan dijelaskan dengan seberapa ringkas dan tepat oleh pengarang.

Kesulitan yang akhir ialah dalam penganalisaan data. Kajian ini banyak mengemukakan jadual-jadual statistik maka untuk menggolongkan jawapan-jawapan kedalam satu-satu kategori akan terdapat angkubah yang tidak jelas kategori mana yang hendak dimasukkan. Misalannya dalam jadual pekerjaan, bagaimakah hendak digolongkan seseorang polis? Adakah sebagai buruh atau pekerja mahir? Jadi untuk ini pengarang mencantikan kriteria bagi satu-satu kategori.

Sebenarnya banyak lagi masaalah lain tapi ia agak kecil dan tidak signifikan dan mudah sahaja dibereskan. Maka itu ^{tidak} ~~diperlu~~ dinyatakan disini.

1.6 Konsep-Konsep dan Definasi

Dalam bahagian ini akan dibincangkan beberapa konsep penting serta definasinya yang digunakan dengan banyaknya dalam process pengkajian ilmiah ini. Konsep-konsep seperti dadah, narkotik, penagihan dadah serta penyalahgunaan dadah masih belum mendapat definasi-definasi yang konkret malah selalu menimbulkan kontroversi. Maka dalam pengkajian ini dinyatakan dengan seberapa jelas dan cukup apakah yang dimaksudkan dengan konsep-konsep tersebut. Penggunaan satu-satu konsep yang terang dan padat adalah penting dalam membuat satu kajian ~~seperti~~ yang disebut dalam petikan berikut;

" The greater the distance between one's concepts or constructs, and the empirical facts to which they are intended to refer, the greater the possibility their being misunderstood or carelessly used, and the care that must be given to defining them. They must be defined both in abstract terms, giving the general meaning they are intended to convey, and in terms of the operations by which they will be represented in the particular study. "⁶

(a) Dadah dan Narkotik

Pada umumnya ~~kedua~~ konsep diatas adalah saling digunakan walaupun dari segi perubatan dan farmakologi terdapat perbezaan diantara ~~kedua~~ konsep tersebut. Lagipun ada percanggahan pendapat antara pihak umum dengan pihak perubatan atau farmakologi mengenai definasi dadah atau narkotik.

Dadah mengikut definasi ahli-ahli farmakologi adalah bahan kimia yang memberi kesan keatas protoplasma hidup.⁷ Sebenarnya definasi ini adalah superficial untuk dipraktikkan. Ini oleh kerana jika definasi ini dipakai, maka dadah juga merupakan air didalam gelas atau peluru yang menembusi tubuh badan. Jadi untuk lebih tepat sesuatu definasi itu harus menurut kadamata masyarakat. Maka dadah ~~seperti~~ yang dinyatakan oleh Erich Goode;

"is something that has been arbitrarily defined by certain segments of society as drug."⁸

Disini yang penting bukanlah kesan yang ditimbulkan oleh satu-satu benda tapi ialah cara ia dimengertikan, didefinisikan dan digolongkan. Oleh itu klasifikasi ini adalah "arbitrary". Tambah Goode lagi,

" Society defines what a drug is and the social definition shapes our attitude toward the class of substance so described. "⁹

Signifikan dari perbezaan tadi dapat dilihat seperti berikut: Alkohol ialah bahan yang dapat memberi kesan psychoactive tapi yang kita sedia maalum kebanyakan masyarakat tidak mengenakan label dadah keatasnya.

Begitu juga halnya dengan definisi narkotik; Bagi pendapat umum dan juga dalam kontek ~~peundangan~~, narkotik disamaertikan dengan dadah seperti diatas. Dengan ini narkotik juga termasuk marijuana atau ganja. Tapi ahli-ahli perubatan dan farmakologi tidak dapat menerima bahawa ~~ganja~~ adalah jenis narkotik kerana bagi mereka narkotik,

"means a chemical substance that dulls the body's sensitivity to pain; this function is called analgesia. "¹⁰

Walaubagaimanapun disepanjang kajian ini yang bercorak sosio-logikal atau kemasyarakatan maka definisi dadah atau narkotik yang digunakan mestilah yang dari kacamata masyarakat.

(b) Penagihan dan Penyalahgunaan Dadah

Menurut Herbert A Bloch dan Gilbert Geis, penagihan dadah,

" as a state in which continued use of drug is necessary to maintain normal physiological functions and discontinuance of the drugs result in definite physical and mental symptoms. "¹¹

Definasi diatas memperlihatkan pengantongan fizikal dan/atau mental atas dadah oleh seorang yang bolih dikatakan "heavy users" atau "constant users". Ini oleh kerana pengguna dadah yang casual atau dari golongan "experimenters", tidak mungkin mengalami pengantongan yang fizikal atau psikologikal.

Konsep penyalahgunaan dadah bolih dikatakan lebih menyeluruh dari konsep diatas kerana jika diteliti dari definisinya yang lazim diberikan iaitu;

" Drug abuse refers to the use of drug outside a medical context. "¹²

Disini jelas sekali bahawa seorang pengguna dadah tanpa nasihat atau arahan dari ahli perubatan bolih dipanggil penyalahguna dadah tapi ia tidak semestinya seorang penagih dadah.

Sungguhpun begitu terdapat fleksibiliti dalam penggunaan kedua konsep tersebut dalam kontek harian. Ini dapat difahami bahawa kedua konsep tersebut tidak jauh berbeza. Olih yang demikian pengarang juga mengambil sikap yang serupa kerana fleksibiliti itu tidak akan menjelaskan kelincinan pengkajian ini.

1.7 Jenis-jenis dadah dan kesan-kesannya

Jenis-jenis dadah dan kesan-kesannya yang akan dicatatkan di sini bawalah tertumpu kepada ganja, candu, morfin, heroin, MX dan L.S.D. Penekanan keatas jenis-jenis dadah di atas ialah kerana dadah tersebut lebih kerap disalahgunakan di Malaysia dari jenis dadah lain seperti barbiturates, amphitamines, coca leaves dan sebagainya. (buktinya ialah dadah itu dicatit dalam mana-mana statistik atau rekod kerajaan dan pihak penguatkuasa)

Ganja

Nama saintifiknya ialah "cannabis sativa" dan juga dikenali sebagai indian hemp. Definasi ganja dalam Ordinan Dadah Merbahaya 1952 ialah,

"..... the dried flowering or fruiting of the pistille plant cannabis sativa, from which the resin has not been extraced, under whatever name they may be designated in commerce."¹⁵

Ganja digunakan melalui hisapan dengan menggunakan daun rokok (daun nipah kering) atau hookah. Ganja tidak mempunyai nilai perubatan dan kesannya kepada penggunanya kadang-kadang merupakan "stimulation" dan kadang-kadang "depression" iaini terpulang kepada siasah dan mood sesorang itu. Pengguna-pengguna ganja biasanya mengalami ketidaktentuan tentang faktor masa dan ruangan dan khayalan terhadap warna dan bunyi mungkin berlaku. Kecergasan otak dan fungsi motor bolih jadi terganggu. Tiada terdapat kesan fisiologi pada jangka panjang. "Tolerance" dan "withdrawal symptoms"¹⁵ juga tidak berlaku.

15



Illustration 2. *Coniferous Kettles made*

Illustration 3. *Hunting*



61725 20-3-76 J.C.K., K.L.

Candu

Candu ialah dadah dari bunga pokok poppy. Cara membuat candu ialah dengan memerah cecair dari buah mentah opium poppy (*papaver somniferum*) yang telah dihiris dan kemudian dikeringkan menjadikan warna putih kapada hitam.

Penggunaan candu yang halal ialah untuk pengubatan termasuk penyedutan alkaloid candu tulin (saperti morfin, codeine) dan pengeluaran alkaloid derivatives" saperti dihydromorphinone dan dihydrocodeinone.

Kesan dari candu ialah perasaan tenang dan kekuatan badan. Penggunaan candu secara berterusan membawa kapada tolerance dan withdrawal symptoms. Dalam masa jangka panjang kesannya ialah kerosakan kapada tubuh badan dan mental dan juga menpercepatkan usia seseorang. Bagi kes-kes overdosage bolih menyebabkan kesesakan nafas dan kadangkala kematian.

Morfin

Morfin adalah alkaloid utama dari candu yang bertindak sebagai "narcotic analgesia" dimana dalam penggunaan perubatan dikenali sebagai hydrochloride, sulfate, acetate dan tertrate salts. Morfin menghilangkan rasa sakit dan memberi rasa tenang dan perasaan euphoria. Kesan buruk pula berlaku keatas sistem penafasan, sistem perjalanan darah dan gastrointestinal.

Morfin bolih diambil dengan suntikan atau sebagai tablet. Bila ia digunakan secara berterusan akan membawa kapada tolerance dan withdrawal symptoms.

Heroin

Jika merfin diprocess untuk diubah kapada dialetye derivatives — ini adalah heroin. Cara penggunaan heroin ialah menerusi suntikan atau ~~suntukan~~. Kesannya setelah diambil memberi ketenangan dan mengurangkan rasa lapar dan kehendak seks. Ia juga bolih membawa kapada perasaan mengantok dan ketidakupayaan untuk menumpukan perhatian.

Bila heroin digunakan berterusan tolerance dan withdrawal symptoms akan bertindak. Overdosage dari heroin menyebabkan kesesakan nafas, ketenatan atau kematian. Disamping itu kesan yang secondary bolih berlaku kerana pengguna tadi asyik menumpu perhatian keatas dadah ini membuatnya

3



Illustrasi 4. Envelope.

19



Illustrasi 5. Ganda motif (bungkus benar)
sendir motif (bungkus benar) dan palo sepatu
dan sendir

~~tidaknya~~ tidak mempeduli tentang kebersihan diri dan juga ia kurang bermakanan (*undernourished*).

L.S.D.

L.S.D. ialah dadah sintetik yang dibuat dari process kimia dimana lysergic acid merupakan komponen yang asas. Ia digunakan dengan menaroh cecair L.S.D. diatas ketulan gula atau diambil sebagai tablet. Jumlah L.S.D. yang kecil bolih memberikan kesan yang hebat sekali. Seorang yang telah mengambil 100-600 microgram L.S.D. akan mengalami pancaindera yang tajam dan terang. Sipengguna akan merasakan seperti ia dengan objek-objek disekilingnya seperti bersatupadu dan dalam keadaan begini ia ingin bersorangan dan diselindungi perasaan bimbang, takut dan "paranoid". Kesan ini berlangsung selama 4-12 jam tapi ia mungkin berlanjutan untuk beberapa hari.

Pil M.X. (Mandrax)

MX adalah dalam bentuk tablet dan ia mengandungi metaguanidine dan diphenhydramine. Kesannya pada pengguna ialah rasa kebas dan kekacauan fungsi gerak. MX bolih membawa kapada toleranee tapi tidak menyebabkan ketagihan fizikal.

1.8 Tempat Kajian

Tempat kajian yang dipilih untuk mengutip data ialah Pusat Pemulihan Dadah, Kuala Kubu Bahru, Selangor. Ketika penyelidikan diadakan jumlah pengjuni adalah seramai 98 orang. Pusat ini menerima penagih-penagih dadah beberapa negeri iaitu Selangor, Pahang, Trengganu, Kelantan dan Negeri Sembilan. Walaubagaimanapun sebanyak 90 peratus daripada mereka datang dari Wilayah Persekutuan; mereka diantar kesini setelah menjalani process pembersihan (detoxification) di Hospital Besar, Kuala Lumpur.

Pengarang ingin menjelaskan sekali lagi bahawa penyelidikan sebenar adalah keatas responden-responden yang datang dari Wilayah Persekutuan. Olih kerana itu pengarang memilih seramai 50 responden yang datang dari Kawasan tersebut. Dari segi population pula dikhaskan kapada ~~penghundi~~ yang diantar oleh Hospital Besar, Kuala Lumpur bermula dari bulan Januari, 1976 hingga bulan Februari 1977 iaitu seramai 146 orang.

Penghuni-penghuni dipusat pemulihan sebenarnya sudah ^{menjalani} process pembersihan di-Hospital Besar atau Daerah. Bagi penghuni-penghuni yang datang dari Kuala Lumpur, lazimnya mendapat rawatan pembersihan di Hospital Besar, Kuala Lumpur. Dipusat pembersihan ini mereka diberi ubat-ubat pengganti kapada dadah yang mereka tagih seperti tablet lorazepam, Amytryptiline, diazepam atau methadone. Ubat-ubat ini boleh mengurangkan kesakitan withdrawal symptoms dan ianya tidak ketagihan. Setelah selama dua minggu penagih-penagih itu dirawat dalam satu wad khas, boleh dikatakan mereka sudah tidak lagi mengalami withdrawal symptoms. Namun demikian mereka ini belum lagi pulih darisegi mental. Olih itu mereka dimestikan menjalani pemulihan dipusat pemulihan dadah dalam tempoh empat hingga enam bulan.

Pusat Pemulihan Dadah, Kuala Kubu Bahru telah ditubuhkan pada 1ha Oktober, 1975 sebagai satu rancangan kilat untuk memenuhi keperluan-keperluan pemulihan penagih-penagih dadah. Penubuhan pusat-pusat ditiga tempat iaitu diKuala Kubu Bahru, Bukit Mertajam dan Tampoi adalah satu modifikasi dalam program kerajaan untuk mengatasi penyakit penagihan dadah. Sebelum itu penekanannya adalah keatas penangkapan dan penghukuman penagih-penagih dadah; tapi bila disedari bahawa penagih dadah adalah sebenarnya bukan penjenayah, perhatian telah diberikan kepada aspek rawatan.

Dasar Pusat ini ialah untuk mengadakan satu rancangan pemulihan yang membolihkan seorang penagih dadah kembali kemasyarakatan sebagai seorang yang bertanggungjawab dan hidup tanpa menyalahgunakan dadah. Dari segi pentadbiran, pusat ini dikelola oleh seorang pengetua dengan dibantu oleh empat orang pegawai kebajikan, 4 pembantu rumah dan 12 orang attendan. Disamping itu terdapat penyelia jururawat yang bertanggungjawab keatas aspek perubatan dan ia dibantu oleh seorang jururawat terlatih.

Antara kegiatan-kegiatan yang dijalankan ialah;

1. Pemulihan secara berkumpul
2. Penasihatatan perseorangan
3. Work Therapy
4. Occupational Therapy
5. Permainan dan Hiburan
6. Pertandingan persaudaraan

NOTA-NOTA DAN RUJUKAN

1. J.H. McGrath dan F.R. Scaptti "Youth and Drugs" Scott, Foresman 1970. mukasurat 2
2. Ucapan pembukaan oleh Tri Sri Lee Sick Yew, Menteri Kesihatan Malaysia dalam Seminar mengenai Pentalahsunan Dadah pada 10hb Ogos 1976 di Institut Penyelidikan Perubatan Kuala Lumpur.
3. Ruangan editorial Newsweek keluaran 10hb April 1977
4. The New Encyclopaedia Macropaedia Volume 14 mukasurat 210
5. "Reliability is the extent of random variation in the results of the study" Julian L. Simon "Basic Research Methods in Social Science" Random House, New York 1969 mukasurat 24
6. C. Sellitz dan rakan-rakan "Research Methods in Social Relations" Holt, Rinehart and Winston New York 1959 m.s. 41
7. Erich Goode "Drugs in American Society" Alfred A. Knopf, New York m.s. 18
8. Ibid
9. Ibid
10. Ibid m.s. 20
11. Herbert A. Bloch dan Gilbert Reiss "Man, Crime and Society" Random House, New York 1962 m.s. 355
12. Definasi mengikut American Medical Association.
13. Ordinan Dadah Merbahaya 30/1952
14. Tolerance — penyesuaian fizikal kapada dadah menyebabkan dose berikut memberi kesan yang berkurangan; oleh itu timbul kecenderongan untuk menambahkan dose.
15. Withdrawal symptoms — kesan-kesan fisiologi yang dialami oleh si-pengguna bila tidak dapat menggunakan dadah dalam jangka masa tertentu.

BAB 2 PROFAIL-PROFAIL PENAGIH PENAGIH DADAH

Dengan memasuki penghuraian bab ini adalah bertujuan untuk memberi satu deskripsi bagaimana seorang penagih dadah itu menjalani kegiatan pendadahannya serta aspek-aspek sosialnya seperti latar-belakang keluarga, cara pergaulannya, sikap dan sebagainya. Profail penagih-penagih dadah sedikit sebanyak dapat memberi gambaran-gambaran yang agak terperinci tentang beberapa penagih-penagih dadah sebagai seorang "personal individual".

Jadi ia berlainan sekali dengan penghuraian statistikal (yang akan dikemukakan dibab 3) yang lebih berupa penghuraian secara abstrak dan menyeluruh tanpa menyentuh satu-satu individu itu. Kalau bagi penghuraian statistikal itu dapat menolong memberi gambaran yang luas maka deskripsi satu-satu penagih dapat menunjukkan apa sebenarnya berlaku bagi penagih-penagih (ia-itu yang dipilih) dalam kegiatan mereka hari-hari.

Seramai 4 orang penagih dadah dikhaskan untuk tujuan deskripsi profail ini. Perlu diingat disini bahawa keempat-empat penagih dadah ini tidak mewakili keseluruhan sampel atau population kerana tidak dapat diujudkan profail-profail yang benar-benar representative dari segi ini. Jadi profail ini adalah berdasarkan beberapa responden yang pengarang fikir mempunyai ciri-ciri yang unik dan berlainan dari satu sama lain. Akhir kata penulisan profail tidak merupakan tema bagi kajian ini: ia berfungsi hanya sebagai aspek yang dapat membantu kapada pemahaman masaalah penagihan dadah yang sedang dikaji ini.

Responden A


A mula-mula mengambil ganja bersama-sama kawan-kawannya dikampung yang terletak disebelah utara Semenanjong Malaysia. Ia mengambil ganja kerana tidak mahu diketepikan oleh rakan-rakannya. Dan juga ia mempunyai rasa ingin tahu macam mana rasa menghisap ganja. Setelah merasa keseronokan nya, lalu ia menjadi gemar pula. Katanya dengan menghisap dadah itu, ia merasa puas, senang hati dan sedap mendengar muzik.

Perkara ini berlaku ketika ia sedang menunggu keputusan peperiksaan M.C.E. Seterusnya semasa menuntut dikolej, ia masih lagi mengambil ganja. Lagipun disini ia mempunyai beberapa pelajar yang sama-sama menagih. Kebanyakannya dari mereka juga dari berasal dari luar Kuala Lumpur. Kumpulan ini menganggap diri mereka "rugged", menyimpan rambut panjang dan berseluar jeans yang lusuh. Kegiatan mereka ini difikirkan oleh mereka satu yang up-to-date seperti yang mereka dengar dan pernah tengok tentang pemuda-pemudi liar di Barat. Selalunya ia dan rakan-rakannya berkumpul dalam satu bilik atau ditempat-tempat yang tersembunyi ^{tepi} seperti sungai atau digelanggang permainan. Cara mereka menghisap ganja dengan menggunakan "hookah"¹ atau botol (lihat gambar disebelah) yang dipusing mengikut giliran. Bagi A ini sungguh menyeronokkan. Ia dan seniganya berbual-bual dengan rancak dan melucukan dan ketika yang sama memainkan lagu-lagu "underground".

Lama juga ia menagih ganja iaitu selama lebih kurang 2 tahun. Ia biasanya membeli ganja di Kuala Lumpur atau Petaling Jaya pada hujung minggu. Mereka berkongsi duit untuk membeli dadah tersebut dan tiap-tiap sorang menyumbang biasanya sebanyak lima ringgit. Selepas membeli ganja mereka pun bersiar-siar dibandaraya.


Pada satu hari mereka tidak dapat membeli ganja dan mereka sudah kebingongan. Jadi seorang rakan yang berasal dari Kuala Lumpur mencadangkan untuk membeli "fit"¹. Olih kerana geng ini ~~ini~~ seperti mahu mengalami sebanyak jenis dadah yang bolih maka mereka pun bersetuju. Sungguhpun A agak ragu-ragu tapi olih kerana kawan-kawan sudah setuju, ia terpaksa ikut, kalau tidak ia akan dipandang rendah oleh geng itu. Lagipun ia tidak tahu yang dadah ini sebenarnya adalah heroin yang pernah didengarnya melanda dinegara-negara Barat: ini olih kerana mereka panggil dadah ini fit. Kalau ia tahu dadah ini ialah heroin dan bolih mendatangkan gian² sudah tentu ia tidak mencubanya.

Mereka hisap heroin pada permulaannya dengan menggunakan rokok "Lucky Strike" iaitu memasukkan serbok heroin kedalam lubang yang dicocok oleh batang lidi. Cara ini dipanggil oleh sub-budaya dadah ialah cara "cocok" atau "spike". Rokok ini dibasahkan dihujungnya supaya lambat



Ilustrasi 6

Teknik-teknik mengambil dadah.



habis. A yang sudah tahu rasa kicks dari ganja mendapati kicks dari heroin berlainan sekali. Kalau ganja, kicksnya ialah hayal, ketawa berdekah-dekah, cakap yang membebani dan selera makan yang lebih tapi selepas menghisap heroin, ia seperti tidak berasa apa-apa perubahan hanya fikiran yang lapang. Sungguhpun pada mulanya ia tidak berapa gemar akan kicks ini tapi lama kelamaan ia menjadi sangat tertarik. Kemudian setelah sudah memerlukan dose yang lebih maka ia pun menghisap secara "chase the dragon" (lihat gambar disebelah) yang dapat memberikan kicks yang lebih dari cara hisapan spike atau cocok.

Disamping ganjadan heroin, A pernah juga mengambil candu, morphine, pil MX dan L.S.D. Lain dari ganja dan heroin, dadah-dadah yang pernah diambil hanyalah secara sambilan iaitu terpulang keatas adanya peluang untuk mengambilnya. Misalannya responden ini mengambil L.S.D. ketika ia di Pulau Pinang semasa cuti, dimana dia telah diberi dadah tersebut oleh seorang hippie Barat. Walaubagaimanapun candu biasanya digunakan untuk menghilangkan rasa ketika ia keputusan wang atau ketika heroin susah didapati. Kesemua dadah ini diambil kerana pergaulannya yang luas.

Semasa mengambil dadah, ibu dan abang-abangnya tidak tahu langsung. A tinggal dikolej maka itu ia dapat mengelakkan dirinya dari diketahui. Bapanya meninggal dunia ketika ia berusia 15 tahun. Olih sebab itu ia tidak begitu dikawal oleh ibu dan abang-abangnya; malah keadaan keluarganya yang membuat dia sentiasa merasakan satu masaalah. A menjelaskan;

" Saya mempunyai abang-abang yang boleh dikatakan berjaya dalam pelajaran dan karier mereka. Mereka selalu nasihatkan saya supaya belajar bersungguh-sungguh untuk kesenangan masa depan saya. Tapi bagi saya jangkaan mereka menjadi satu beban pula bagi saya. Selalu juga saya berasa akan cabaran ini. Saya takut kalau saya gagal mereka akan menepikan saya. Semasa ayah saya masih ada saya jarang menghadapi persoalan ini. Saya benar-benar kasih kepada ayah saya. Jadi sejak ia meninggal dunia saya berasa seperti kehilangan sesuatu. "

Ketika mengambil ganja A jarang mandapat masaalah wang. Wang yang diberikan oleh abang-abangnya lebih dari mencukupi. Tapi keadaan

telah berubah bila dia mula menagih heroin. Ini oih kerana ia menbelanja pada puratanya \$15.00 sehari manakala untuk beli ganje dia menyumbangkan cuma \$1.00 atau \$2.00 sehari. Kerana terdesak selalu ia bertekad untuk menjual heroin. Kadang-kadang ia meminjam wang dari kenalannya yang tidak pernah dibayar balik. Hidupnya sudah kucar-kacir; Ia telah gagal dalam pengajiannya dan tidak lagi dihormati oleh kawan-kawannya lagi.

Setelah ia berkerja sebagai kerani stok diKuala Lumpur ia masih juga menagih heroin. Lama-kelamaan ia telah diketahui oleh abangnya bila dia dibuang kerja kerana ketua pejabat mendapat tahu yang dia seorang penagih dadah. Abangnya itulah yang membawanya pergi mendapatkan rawatan dan seterusnya kePusat Pemulihan Dadah.

Responden B

B memberitahu bahawa ibu dan bapanya sangat liberal mendidek anak-anaknya. Ia bebas merokok semasa sekolah, membawa perempuan pulang, minim minuman keras dan sebagainya. Oih kerana itu ia bebas bergaul dengan sesiapa pun termasuk pemuda-pemuda liar. Dari mereka lah ia belajar menagih dadah. Ia memang dari mula ingin mencuba ambil dadah.

Semasa ia mula menghisap ganja, ia masih lagi belajar di-tingkatan tiga ulangan. Persekolahannya hanya berjaya sampai keperingkat M.C.E., ini pun dia tidak lulus. Hingga sekarang dia sudah tujuh tahun menyalahguna dadah. Dengan ganja dia tidak "heavy" malah ia banyak kali berhenti darinya. Tapi kemudian bila ia sudah menagih heroin, terpaksa diambil tiap-tiap hari dan tiga atau empat kali sehari. Kalau tidak ia akan merasa gian; dimana ia akan kebuntuan otak, sakit-sakit otot, mata dan hidung berair. Disebaliknya bila ia sudah menghisap heroin, ia akan merasa lapang dan tenang.

B mengakui bahawa ia mempunyai perasaan ingin tahu yang mendalam Oih itu ia sudah mencuba bermacam-macam jenis dadah iaitu candu, morphine, pil MX dan L.S.D. Bagi dadah-dadah ini ia mengambil secara sambilan. Paling lama hanya tiga minggu berturut-turut ia itu ketika menyalahguna candu.

Padá puratanya dia berbelanja sebanyak \$20.00 hingga \$30.00 untuk heroin. Perbelanjaan saperti ini sudah tentu tidak termampu oleh

seorang yang bergaji \$200.00 sebulan. Tapi B adalah seorang yang bijak mencari wang cara haram.; yaini dengan menyimpan dua orang perempuan sundal ia senang-senang bolih dapat \$100.00 sehari bila cukup bulan, orang baru dapat gaji. Jadi ia tidak perlu lagi melakukan jenayah lainnya.

Yang anihnya bagi keluarga B ialah dua orang abangnya juga sama-sama terlibat dengan dadah. Kadang-kadang mereka mengambil dadah berama-rama dalam rumahnya. B mempunyai banyak wang jadi ia selalu meminjamkan wang kepada abang yang berkerja sebagai pembantu makmal dan jaga kereta; mereka sama-sama berpendapat bahawa menyalahguna dadah adalah satu kegiatan yang seronok.

Selama mena'ih dadah ini hanya sekali ia dikurung dalam lock-up selama satu malam kerana didapati berada di tempat penjualan dadah. Abang-abangnya sahaja tahu hal tersebut tapi tidak ibu dan bapanya.

Biasanya dia mengambil dadah di-rumah kawan-kawan nya yang jauhnya lebih kurang lima batu dari rumah. Malah dia selalu tumpang tidor disitu. Kawan-kawannya berasal dari luar Kuala Lumpur dan menyewa sebuah rumah. Disini mereka berlatih bermain muzik untuk pertunjukan-pertunjukan yang mengundang mereka. Kumpulan muzik ini bolih dikatakan agak terkenal juga dibandaraya. Pemuda-pemuda ini tidak mempunyai kerja yang tetap dan mereka biasa terlibat dengan kes-kes jenayah seperti mencuri dan menyimpan perempuan dagangan.

Baru-baru ini ia telah kehilangan bapanya . Dan memandangkan bahawa ibunya memerlukan perhatian darinya dan abang-abangnya, maka mereka pun bercadang untuk berhenti dari menagih . Lagipun mereka sudah merasakan akibat-akibat yang buruk seperti kesihatan dan masa depan yang tidak tentu. Jadi mereka sudah tekad untuk menyerah diri kepada hospital untuk mendapatkan rawatan dan pemulihan.

Responden C

C berumur 21 tahun dan berbangsa Cina. Dia menyalahguna dadah sudah tiga tahun lebih, sebelum ia menjalani pemulihan. Berikut ialah menurut ceritnya tentang bagaimana mula-mula sekali dia mengambil dadah.

" Saya mempunyai seorang kawan yang sangat rapat dengan saya.

Saya sungguh-sungguh menghormatinya kerana disamping dia seorang yang berbakat, dia juga seorang yang bertimbang rasa dan tahu menjaga hati saya. Dia ada menubuhkan satu kumpulan muzik dan saya selalu mengunjungi rumahnya melihat dia berlatih bermain muzik. Beliau juga selalu mengajar saya belajar memetik gitar.

Selama ini saya tidak sedar bahawa ia adalah seorang penagih dadah. Jadi satu hari ketika bersama-sama dengannya dan kawan-kawan yang lain, saya lihat mereka hisap sesuatu dengan batang buluh (yang kemudiannya saya tahu ialah hookah). Selepas mengambilnya dia dan yang lain mula bercakap yang bukan-bukan dan ketawa menghilai. Lepas itu mereka pun memain gitar dengan begitu gairah sekali. Dengan ini saya mengesyaki bahawa mereka telah mengambil dadah. "

Sebelum ini saya pernah dengar tentang dadah yang dikatakan boleh merosakkan penggunanya, Tapi sekarang saya berasa serba salah kerana kawan yang saya hormati ada mengambilnya. Akhir sekali saya pun mula menghisap ganja. "

Sejak dari itu dia terus terlibat dengan bermacam jenis dadah iaitu candu, pil MX dan heroin. Ia mengambil candu kerana ikut kawan-kawan yang sudah mula bertukar kapada penagihan candu. Mula-mula dia ingat candu juga seperti ganja yang boleh ambil sekalikala, tapi sekarang jika tidak menghisap candu untuk sehari ia berasa sakit-sakit tulang, badan lemah dan mata berasa mengantok. Dengan sebab candu dia dibuang kerja sebagai budak suruhan disebuah hotel. Sungguhpun demikian dia tidak mahu lagi berhenti, malah sudah pandai pula menghisap heroin.

C tinggal bersama-sama keluarganya disatu kawasan setinggan. Selama menagih ibu dan bapa tidak syak apa-apa. Sebenarnya ibu dan bapanya disamping sibuk dengan kerja masing-masing selalu menghabiskan masa mereka bermain mahjong, Bapa nya memang tidak begitu mengambil berat tentang hal anak-anaknya. Inilah salah satu sebabnya C gagal dalam peperiksaan L.C.E. dan terus berkerja. Sebelum itu abang-nya juga mengalami nasib yang serupa.

Mengenai wang untuk membeli dadah, C ada terlibat dengan peras-ugut dan mencuri kasut, seluar, cassette dan lain-lain lagi. Jenayah ini

dilakukan kerana terdesak untuk mengambil heroin. Terdesak kerana bila datang gian keadaannya sungguh mengerikan dan tidak dapat tertahan ^{di} buatnya; ketika ⁱⁿⁱ seperti apa-apa bolih terjadi. Bila wang gaji sudah habis, dia biasa mengambil wang dan barang keluarga atau meminjam wang dari kawan-kawan dengan alasan-alasan yang menacabah ;umpamanya duitnya hilang-lah, duit tambang bas dan macam-macam lagi. Namun ini masih tidak cukup. Wang diperlukan untuk membiayai penagihan heroinnya sebanyak lebih kurang \$10.00 hingga \$15.00 sehari walhal gajinya ketika berkerja sebagai buruh kilang hanya \$150.00 sebulan. Dan inilah duit untuk makan dikedai, inilah juga duit untuk tambang ketempat kerja dan untuk macam-macam lagi. Jadi mustahil kalau mencukupi. Kalau silap-silap haribulan 4 atau 5 sudah lingkup.

Akhir sekali dia telah diketahui oleh bapanya setelah seorang pegawai polis yang memang kenal kapada bapanya, memberitahu bahawa C disyaki mengambil dadah. Mula-mula dia enggan untuk berhenti tapi dengan desakan abang ipar selaku penyelia ditempat kerjanya, ia pun dengan sukarela menyerahkan diri untuk mendapatkan rawatan. Dan setelah berada dipusat pemulihian dia sudah benar-benar insaf keatas kejahilannya.

Responden D

Semasa disekolah, D memang selalu melanggar peraturan sekolah. Dia bersama beberapa kawannya sudah mula menghisap rokok dan ponteng belajar. Malah dia sudah tahu mengambil dadah. Dia dan kawan-kawan sekolah datang dari satu tempat yang sama iaitu sebuah kampung bahru di Kuala Lumpur. Pad sebelah petang dia dan kawan sekolah selalu bergaul dengan pemuda-pemuda liar disitu. Dari situdah D belajar mengambil ganja. Mula-mula dia hisap dengan percuma tapi tidak berapa lama kemudian, dia mesti membeli dari pemuda-pemuda itu. Ia membeli dengan cara berkongsi dengan kawan-kawannya, menggunakan wang sakunya.

Oleh kerana malas belajar dan ponteng dari kelas, D tidak lulus dalam peperiksaan L.C.E. Dia tidak berasa keciwa pun diatas kegalalannya itu. Ketika itu yang dia mahukan ialah keseronokan. Sungguhpun dia menganggur namun dia selalu mempunyai wang dari curian dan menolong menjual ganja.

Ibu dan bapanya tidak begitu peduli tentang kegiatannya. Ia biasa juga mengambil dadah dalam rumah dan diketahui oleh ayahnya. Dia ada seorang abang yang juga menagih ganja. Dan dia ada menghisap ganja bersama abangnya itu. Mula-mula sekali ia hisap menggunakan daun nipah (golong dalam bahasa penagih-penagih dadah) tapi kemudian ia menggunakan hookah. Katanya hisap dengan hookah lebih berat dan kuat kesannya.

Sehingga dia mendapat rawatan sudah enam tahun dia menyalahguna dadah. Selama itu dia sudah pernah mengambil ganja, heroin, morphine dan pil MX. Dadah-dadah ini dikenali semua dengan melalui pergaulannya. Dia mengambil morphine dirumah seorang kenalan rakannya. Dia kesitu untuk menemani kawannya yang sudah memberitahu yang dia mahu mengambil morphine. Olih kerana dia mahu bertukar-tukar kicks maka dia pun sanggup. Hanya dua kali sahaja dia mengambil morphine kerana dia berasa takut dengan suntikan. Tidak lama kemudian, datang seorang kaki dari Johor Bahru yang memperkenalkan pil MX. Ini juga dia cuba ^{tidak} ~~tapi~~ lama sebab bila sudah high, dia tidak dapat kontrol dirinya langsung.

Hemang betul diantara dadah yang dicubanya, heroinlah yang paling ia terpengaruh. Menurutnya, "Heroin membuat saya rasa senang dan bergaya. Tidak macam dadah-dadah lain, heroin membuat saya dapat mengawal diri sendiri. Orangramai tidak dapat membezakan antara penagih heroin dengan orang biasa. Sebab itu heroin ini seperti sebatи dengan jiwa saya. Bangun pagi ingat heroin, masa kerja ingat heroin sampaikan masa hendak tidor pun ingat heroin. Itulah pasalnya kalau dia tidak ada duit sanggup berbuat apa saja. Tetapi itu tidak menjadi soal, yang penting heroin betul-betul memberi saya kepuasan yang tidak dapat diperolehi dengan cara lain."

Heroin telah membuatnya cuai dengan kerjadipejabat. Berkerja sebagai pelayan pejabat sungguh membosankannya tapi inilah jenis kerja yang bolih dikatakan senang jika dibandingkan dengan kelulusan yang ada. Namun pasal menagih heroin dia tidak kira jika dia dibuang kerja; bukan merugikan sangat.

Lama-kelamaan dia mula berfikir adakah dia akan selama-lamanya menagih dadah? D edar bahawa dia telah dibelengu oleh heroin. Hidupnya sudah tidak seperti orang-orang lain.; masakan tidak kalau tiap masa asyik ingat dadah hingga perkara lain tidak dihiraukan langsung. Dia

takut satu hari dia akan diberkas dan masa depannya akan menjadi gelap. Lagipun dia mempunyai seorang teman wanita yang dikasih iku oleh kerana dadah temannya itu selalu dihamparkan. Akhirnya dia pun berazam untuk berhenti. Jadi bila kerajaan mengeluarkan surat pekeliling untuk membenarkan penagih-penagih dadah mendapatkan pemulihan tanpa dibuang kerja, ia pun terima.

Semasa dipusat pemulihan beliau kelihatan cukup yakin tentang dirinya bahkan dia sudah mendekati dirinya dengan tuhan. Sekarang dia sedar bahawa dia boleh hidup dengan senang tanpa dadah. Nanti setelah keluar dari pusat ini dia akan menggunakan wang gajinya yang tersimpan untuk hari pertunangannya dengan gadis idamannya.



Illustrasi 7. Sambutan dan berbuka puasa bersama



Illustrasi 8. Pendekar fikir

BAB 3 LATAR-BELAKANG SOSIO-EKONOMI PENYALAHGUNA DADAH

Huraian tajuk diatas sebenarnya merupakan tema bagi kajian ini. Dasar tujuannya ialah untuk memerhatikan dalam bentuk-bentuk kategori yang manakah penagih-penagih lebih dominant. Penghuraian ini akan dibentangkan dalam bahagian A dan B; dimana bahagian A merupakan ^{dan} ~~huraian~~ keatas responden itu sendiri mакala bahagian B adalah tentang ibu dan bapa responden. Disamping itu bahagian C membentangkan bentuk dan keadaan penginapan responden. Akhir sekali bahagian D menincang tentang beberapa aspek penting seperti penjenayah, sumber kewangan dan pola pendadahan,

Penghuraian dalam bab ini yang berkaedah phenomenologikal tidak sekali-sekali akan melibatkan perbincangan secara perbandingan kerana cara ini sebenarnya memerlukan satu pengkajian yang sangat terperinci dan tersendiri. Olih itu penyelidikan yang dibuat oleh pengarang yang sudah menyentuh satu aspek lain, tidak akan mencapai matlamat yang sempurna sekiranya melihatkan huraian corak perbandingan. Ini oleh kerana kajian ini ialah satu kajian latihan ilmiah sahaja dimana masa dan wang tidak ditumpukan dengan sepenuhnya.

Bahagian A Karakteristik-karakteristik sosio-ekonomi penyalah- penyalahguna dadah.

3.1 Ras

Dari jadual 1, dapat dilihat bahawa peratus ras Melayu ialah 70%, ras Cina 18% dan ras India 12%. Ini bermakna rasio ras Melayu keatas ras Cina ialah 4 : 1 dan rasio ras Melayu keatas ras India ialah 6 : 1. Malah ras Melayu merupakan lebih dari dua kali ganda kedua ras Cina dan India.

Gambaran diatas jelas menunjukkan bahawa ras Melayu jauh lebih ramai dari kedua ras lain yang terlibat dalam penagihan dadah. Olih kerana responden-responden datang dari Wilayah Persekutuan dimana bilangan penduduk Cina iaitu 58% adalah lebih ramai dari penduduk Melayu yang peratus jumlahnya ialah 24.5% maka ras Melayu yang terlibat dengan dadah

merupakan satu overrepresentation kapada ras seluruhnya di Wilayah Persekutuan manakala ras Cina begitu under-representative yang benar-benar terlibat. Jika dibandingkan penyalahguna dadah ras India dengan keseluruhan penduduk, maka representationnya adalah seimbang.

Tentang perbezaan bilangan penagih-penagih mengikut ras, pengarang ingin mencadangkan salah satu factor penting ialah "differential Association" ⁷ yang telah dapat pengarang kesan bagi tiap-tiap responden. Pola diatas sebenarnya ada terselit dalam deskripsi profail penagih-penagih dadah dalam bab 2. Apa yang dimaksudkan disini ialah seorang penagih mula-mula mengambil dadah setelah dikenalkan oleh rekan-rakannya Tanpa pergaulan (association) seperti ini bagaimana mendapatkan dan menggunakan satu-satu dadah. Olih yang demikian dapat dipastikan bahawa ras Melayu yang terlibat dengan dadah terlebih dulu sudah ad. dan seterusnya membiak kepada bilangan yang lebih ramai. Tapi ras-ras lain mereka tidak dulu melibatkan diri jadi jumlah yang membiak agak terlambat dan oleh itu bilangannya adalah kecil.

3.2 Umur

Dari segi umur seperti yang digambarkan oleh jadual 2, 22 (44%) orang adalah berumur diantara 22-24 tahun. Jumlah kedua besar iaitu seramai 15 orang (30%) berada dalam kumpulan umur diantara 19-21 tahun. Bagi kumpulan umur dibawah 18 tahun dan 30 tahun keatas mengandungi 2 orang (4%) dan 3 orang (6%). Jadi jumlah penagih yang berumur diantara 19-21 tahun merupakan 74% (37 orang) manakala penagih-penagih yang berumur 25 tahun keatas hanya merupakan 22% sahaja.

Ini jelas menunjukkan bahawa ramai penagih-penagih dadah berada dalam peringkat keremajaan. Perlu ditekankan disini bahawa umur mereka ketika mula mengambil dadah puratanya adalah dalam 3-4 tahun lebih muda dari yang dicatatkan dalam jadual. Malah dari soal-selidek, penagih-penagih ini mengambil dadah semasa atau setelah habis persekolahan mereka. Hanya setelah lebih kurang 3-4 atau lebih, mereka mengambil dadah baru mereka mahu meminta rawatan.

Jadi sebahagian besar mengambil dadah ketika berada dalam alam keremajaan. Alam keremajaan adalah masa pertumbuhan individu yang penuh dengan masalah-masalah psikologikal dan juga sosiologikal. Ketika ini

para remaja mengalami masaalah penyesuaian diri, membentuk identiti dan perkembangan moral dan nilai-nilai. Ketika ini juga mereka mempunyai perasaan ingin tahu yang kuat. Hal-hal tadi ditambah lagi dengan pergaulan dengan rakan-rakan dan availability dadah membuat mereka mudah terperangkap kepada penggunaan dadah. Tidak semua yang menghadapi masaalah keremajaan yang mengambil sebagai satu jalan keluar atau untuk suka-suka. Adalah mungkin kerana bukan pengguna itu mendapat kepuasan lain dengan menceburkan diri dalam aktiviti formal ataupun cara-cara lain seperti sukan dan pelajaran.

3.3 Pelajaran

Berdasarkan jadual 4. dapat dilihat bahawa bilangan yang terbesar iaitu 23 orang (46%) hanya mencapai pelajaran ditingkat L.C.E./S.R.P. Bilangan kedua besar iaitu 16 orang (23%) hanya sampai keperingkat M.C.E. atau S.P.M. Manakala itu bilangan yang tercicir diperingkat tingkatan 1/2 ialah 6 orang. Sebaliknya yang sampai ketingkat yang lebih tinggi dari M.C.E./S.P.M. hanya 4 orang (8%).

Jadi yang mempunyai tingkat pelajaran dibawah L.C.E./S.R.P. ialah 30 orang (60%) manakala bilangan yang memperolehi pelajaran lebih rendah dari M.C.E./S.P.M. ialah 46 orang (92%) dari kesemua responden. Oleh itu sangat jelas disini bahawa taraf pelajaran majoriti responden responden berada pada peringkat yang belum begitu mencukupi dari segi akademik dan prospek masa depan.

Dengan pelajaran yang agak rendah berarti bahawa mereka tamat sekolah ketika umur mereka masih muda dalam bentuk kegagalan. Dengan tiada aktiviti akademik memberi masa yang terlalu banyak untuk "drop-outs" ini mengakibatkan mereka bergiat dalam "peer culture" — satu gejala yang membuat mereka senang untuk menjadi "delinquents" yang karakteristik dengan keliaran dan "idleness". Mereka menjadi begitu senang menggunakan dadah dalam keadaan begitu dimana "group-norms" dan "group-pressure" ada terdapat. Lagipun mereka anggap diri mereka sebagai gagal menambahkan lagi beban selain dari masalah keremajaan yang mereka hadapi.

3.4. Pekerjaan

Pekerjaan sebenarnya adalah rapat kaitannya dengan pelajaran yang diperolehi oleh penagih-penagih khususnya dan masyarakat amnya. Jadi tidak hairanlah sekiranya ramai dari penagih-penagih itu berkerja sebagai buruh iaitu seramai 22 orang (44%) sebagai pembantu kedai 6 orang (12%) dan sebagai penganggor seramai 8 orang (16%). Bakinya ^{mahir} seperti perkeranian dan pekerja ~~ki~~ itu seramai 12 orang juga mempunyai taraf pelajaran yang agak rendah juga. (lihat jadual 3)

Penerangan diatas jelas menunjukkan bahawa majoriti responden adalah berkerja diperingkat rendah. Dan pekerjaan yang rendah mendatangkan pendapatan yang rendah juga. Hal ini akan membuat mereka tidak yakin pada masa depan yang cerah. Mungkin ini mereka anggap sebagai satu deprivasi dan dengan ini lebih senang bagi mereka ini untuk mlarikan diri dari masaalah harian. Satu caranya ialah dengan menagih dadah.

3.5. Taraf Ferkawinan

Dari jadual 6, dapat dilihat seramai 44 orang (88%) responden adalah bujang jika dibandingkan dengan 5 orang (10%) yang telah beristeri dan seorang yang telah bercerai. Sebenarnya yang masih bujang majoritinya berada bawah dari 25 tahun manakala yang sudah beristeri berumur lebih dari 25 tahun. Yang beristeri semuanya sudah terlibat dengan dadah sebelum berumahtangga. Berkenaan dengan rumah tangga dapat dikatakan bahawa ini bolih menghindarkan seorang itu dari menggunakan dadah kerana mereka mempunyai tanggongjawab sebagai suami dan sebagai bapa.

3.6 Pegangan Ugama ²

Pegangan Ugama yang kuat bolih mengelakkan seseorang itu dari mebyalahgunakan dadah -- ini ialah kerana penyalahgunaan dadah juga salah disisi ugama. Perkara ini dapat disokong dari jadual 7a yang menunjukkan bahawa kengamaan responden pada puratanya adalah kemah. Hanya 5 orang dari sampel yang dapat dikatakan mempunyai pegangan ugama yang sederhana kuatnya manakala 11 orang sederhana sahaja pegangan ugama mereka.

Bahagian B Latar-belakang Sosio-ekonomi Keluarga

3.7 Pelajaran ibu dan bapa

Taraf pelajaran bapa pada keseluruhannya adalah rendah. Seperti yang ditunjukkan oleh jadual 7b 76% daripada mereka hanya mencapai tingkat pelajaran sekolah rendah. Manakala bilangan yang mendapat pelajaran sekolah menengah rendah iaitu dibawah peringkat Junior Cambridge atau Chinese Junior Middle School ialah sebesar 92%. Sebaliknya hanya 8% yang mendapat pelajaran yang lebih tinggi dari itu.

Begitu juga keadaannya dengan taraf pelajaran yang diperolehi oleh ibu-ibu mereka dimana 32% daripada ibu-ibu sampel langsung tidak mendapat pelajaran yang formal dan seterusnya 62% hanya mencapai tingkat pelajaran sekolah rendah. Dengan perkataan lain tingkat pelajaran ibu-ibu responden adalah lebih rendah dari yang dicapai oleh kebanyakan bapa-bapa sampel. Ini disebabkan pada zaman mereka masih kanak-kanak, wanita-wanita tidak digalakkan mengejar tingkat pelajaran yang tinggi.

Berdasarkan taraf pelajaran ibu/bapa yang rendah itu bolih membawa kesan-kesan yang negatif. Pertama mereka tidak akan begitu mengambil berat keatas masaalah pelajaran anak-anak mereka. Ini dapat disokong dari jadual 8 dimana majoritiⁿ hanya mendapat taraf pelajaran lebih rendah peringkat M.C.E./S.P.M. Dengan lain perkataan anak-anak mereka mendapat pelajaran yang sama atau lebih setingkat dari mereka. Sebagai misalannya daripada 23 orang responden yang mencapai tingkat pelajaran diperingkat sekolah menengah rendah, terdapat 17 orang (74.91%) mempunyai ayah yang berpelajaran diperingkat sekolah rendah, dibandingkan dengan 5 orang (25.01%) yang ayahnya mempunyai pelajaran yang sama taraf.

Kedua, dengan taraf pelajaran bapa (bapa ditekankan disini kerana mereka yang selalu menanggung perbelanjaan keluarga) yang rendah jenis pekerjaan dan jumlah pendapatan juga turut rendah. Bolih dikatakan keluarga majoriti responden berada dalam lingkungan yang tidak berada, kerana pendapatan purata mereka kurang dari \$400.00 sebulan (lihat jadual 10) dengan bilangan tanggongan yang ramai (Lihat jadual 14).

3.8 Perkerjaan Ibu/bapa

Telah dinyatakan diatas bahawa taraf pelajaran ibu dan bapa responden-responden , majoritinya adalah rendah, maka jenis-jenis pekerjaan yang dilakukan juga pada puratanya turut rendah tarafnya. Jika dilihat jadual 9, 52% dari bapa-bapa mereka berkerja sebagai buruh, petani, dan pembantu kedai dan juga termasuk yang menganggor. Bilangan yang telah bersara dan yang telah meninggal dunia ialah 28%. Tapi yang berkerja sebagai peniagadan pegawai hanya merupakan 16%.

Pekerjaan ibu pula pada keseluruhannya adalah sebagai suri-rumahtangga. Ini tidak menghairankan kerana telah menjadi kelaziman bagi masyarakat Malaysia terutama ras Melayu, para isteri tidak ramai yang tidak berkerja. (sikap ini pada dewasa ini sudah agak lapuk)

Saperti yang telah dibincangkan diatas bahawa pekerjaan bolih dikatakan berkait rapat dengan pelajaran dan pendapatan. Biasanya taraf pelajaran membawa kepada jenis-jenis pekerjaan yang berpendapatan tidak lumayan. Dengan lain perkataan, majoriti dari keluarga responden berada dalam kemiskinan dan kemiskinan adalah satu gejala yang selalu menyebabkan keciciran, kekandasan dalam bidang pelajaran, kesempitan hidup dan sebagainya. Gejala-gejala seperti ini bolih merupakan faktor yang mendorong kepada penyalahgunaan dadah untuk menghindar dari masalah harian.

3.9 Hubungan dan Keadaan Keluarga

Mengikut jadual 11, 74% dari sampel masih mempunyai kedua ibu dan bapa. Bilangan yang sudah kematian bapa ialah 14% dan yang sudah kematian ibu ialah 12% (termasuk 4% yang bapa mereka berkawin lagi setelah ibu mereka meninggal dunia). Oleh kerana majoriti responden masih mempunyai ibu dan bapa nampaknya tidak begitu jelas kaitan antara penyalahgunaan dadah dengan semada ibu dan bapa mereka masih ada ataupun sudah meninggal salah seorang dari ibu dan bapa mereka. Bahkan responden-responden yang telah kematian salah seorang daripada ibu dan bapa mereka sudah terlibat dengan dadah. Jadi kehadziran bapa mereka tidak langsung mengindarkan

mereka daripada menagih.

Dari hal hubungan antara dan bapa (lihat jadual 12) nampaknya kebanyakan dari mereka berjalan dengan baik dan harmonis. Dengan ini pengarang meksudkan ialah tiada berlaku satu-satu perkelahian yang buruk dan berpanjangan yang memberikan kesan yang buruk keatas anak-anak mereka. Yang biasa berlaku hanyalah perkelahian yang kecil yang lazim bagi suami-isteri. Walaubagaimanapun bagi responden-responsenyang sudah berumahtangga, dari jumlah 6 orang, 4 daripada mereka mempunyai hubungan rumah tangga yang tidak harmonis. Malah seorang responden telah bercerai dengan isterinya. Kerana itu dapat dinyatakan disini bahawa kekerohan rumah tangga dapat mendorong seseorang itu menyalahguna dadah. Ini sebenarnya hanya pendapat dari pengarang sahaja. Untuk betul-betul yakin keatas kaitan ini seharusnya dibuat kajian yang lebih terperinci.

3.10 Ibu/bapa, Rokok, Alkohol dan Dadah

Menurut Bandura dan Walters dan rakan-rakan, selalunya dengan melihat ibu dan bapa menghisap rokok atau/dan alkohol, anak-anak mereka lebih kerap meniru kebiasaan ini — ini satu aspek dari observational learning.³ Mereka seakan-akan mendapat rasionalisasi dari penggunaan rokok dan alkohol ibu atau bapa mereka. Kemudian anak-anak itu mungkin meniru menghisap rokok atau/dan minum alkohol dan ini adalah satu asas bagi mereka untuk menggunakan dadah kelak. (ini akan diuraikan dengan lebih terperinci dalam bahagian D 3.18)

Keterangan diatas dapat dijelaskan dengan panduan dari jadual 13 yang menunjukkan 44% dari bapa mereka menghisap rokok dan yang mengambil kedua-dua rokok dan alkohol merupakan 18%. Ingin dijelaskan bahawa salah seorang dari ibu atau bapa mereka yang menggunakan rokok dan/atau alkohol sudah cukup untuk bertindak sebagai model kepada anak-anak mereka untuk mencuba rokok, alkohol dan seterusnya kepada dadah. Dengan kenyataan ini tidak bermakna bahawa tiap-tiap anak mereka yang merokok atau minum alkohol mesti mengikuti cara ibu atau/dan bapa mereka: kerana banyak lagi faktor-faktor lain yang mungkin mendorong kapada pengambilan rokok dan alkohol amnya dan kapada penggunaan dadah khususnya.

Akhir sekali tiada diantara ibu dan bapa responden yang telah menyalahgunakan dadah. Ini telah pengarang jangkakan kerana dikalangan ibu/bapa tidak terdapat masaalah penyalahgunaan dadah-dadah merbahaya.

Bahagian C Latar-belakang Kediaman Responden

3.11 Bentuk Penginapan

Bolih dikatakan bahawa majoriti sampel tinggal bersama keluarga mereka sebagaimana yang dapat dilihat dari jadual 15. Dengan perkataan lain majoriti dari responden-responden berasal dari Kuala Lumpur, iaitu seramai 32 orang responden (64%). Dan pula 2 orang responden (4%) tinggal bersama-sama keluarga lain. Mereka berdua ini sebenarnya adalah menyewa bilik seperti yang biasa dilakukan oleh penyewa di Kuala Lumpur. Selainnya iaitu seramai 9 orang (18%) responden tinggal bersama-sama kawan, 2 orang bersama kakak atau abang yang sudah berkeluarga dan lagi 4 orang responden tinggal bersama isteri-isteri mereka.

Jadi bilangan responden yang berasal dari Kuala Lumpur ialah seramai 32 (64%) orang dan 18 orang (36%) pula adalah orang yang mendatang. Bagi responden yang tinggal bersama keluarga sendiri sudah pasti dikawal kebebasan mereka manakala yang duduk bujang dimana keluarga mereka jauh dari kota, mempunyai kebebasan mereka dengan penuh.

Dari keterangan diatas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa lebih ramai penagih yang berasal dari Kuala Lumpur dari penagih yang mendatang sungguhpun mereka selalu diawasi oleh ibu dan bapa mereka. Tapi oleh kerana mereka selalu melakukan kegiatan pendadahan diluar rumah keluarga mereka maka itu dengan tinggal dengan keluarganya mereka tidak menjelaskan kesempatan untuk mengambil dadah. Bagi mereka ini pengarang dapati dari soal-selidik lazimnya mengambil dadah dirumah-rumah bujang atau di-tepi-tepi jalan. Pergaulan bagi mereka sudah seharusnya begitu luas kerana mereka adalah anak tempatan dan mempunyai ramai kawan-kawan yang dikenali sejak dari kecil jika dibandingkan dengan responden-responden yang mendatang. Seperti yang dinyatakan dalam bab 2, pergaulan adalah penting bagi mengenali kapada penggunaan dadah bagi keempat-empat responden yang dipilih.

3.12 Keadaan tempat kediaman

Jadual 12 menunjukkan bahawa 64% dari sampel tinggal dikawasan perkampungan bahru seperti Gombak, Kampong Bahru, Daerah Keramat, Kampong Pandan dan Sentul. 3 orang responden pula (6%) tinggal dikawasan setinggan dan 30% dari sampel pula tinggal dikawasan perumahan yang lebih terator.

Disamping itu bagi responden-responden yang tinggal dikawasan perkampungan bahru dan kawasan (iaitu sebesar 70%) 64% daripada mereka menduduki rumah yang dibuat dari papan. Yang bakinya iaitu 36% tinggal dirumah batu dimana terdapat kesemua responden dari kawasan perumahan yang terator.

Kesimpulannya bolihlah dikatakan bahawa majoriti dari sampel tinggal dirumah-rumah yang tidak bolih dikatakan memberi kelesaan dan kawasan perumahan mereka pula tidak begitu begitu terator.

Tentanguraian diatas, sebenarnya adalah suatu yang hanya bertindak sebagai satu garis kasar. Jika ingin mengkaji dengan lebih mendalam, memerlukan penyelidikan tersendiri kekawasan-kawasan responden dan menilai keadaan. Walaubagaimanapun ini tidak mungkin bagi kajian ini kerana bahagian latarbelakang kediaman responden merupakan sebahagian kecil sahaja bagi tajuk latihan ilmiah ini. Cukuplah sekadar mengetahui secara kasar bentuk-bentuk dan keadaan kediaman responden-responden.

Bahagian D Aspek-aspek penting

3.13 Ras dan Dadah

Pada keseluruhannya jenis dadah yang paling populer bagi tiap-tiap ras ialah heroin, kedua ganja dan ketiga populer ialah pil MX. Ini dapat dijelaskan berpandukan dari jadual 16. Jadual ini menunjukkan bahawa heroin telah digunakan oleh kesemua 33 orang responden Melayu, oleh 7 dari 9 orang responden Cina dan oleh kesemua responden India. Bagi ganja pula, dari sampel Melayu sebesar 33 orang, 32 telah menyalahguna ganja, bagi ras Cina pula 5 dari 9 responden dan kesemua ras India.

Bagi dadah cанду, kebelakangini ia agak populer dikalangan orang Melayu dan India tapi tidak bagi responden Cina. Dari soal-selidik didapati bahawa cанду digunakan sebagai substitute kepada heroin ketika heroin tidak available atupun wang tidak cukup. Cанду boleh dijadikan substitute kerana ia dapat mengelakan dari gian akibat dari tidak mengambil heroin dalam jangka masa tertentu. Bagi ras Cina mereka tidak begitu gemar mungkin kerana mereka jarang keputusan wang ataupun heroin sentiasa available.

3.14 Pekerjaan, Sumber kewangan dan Jenayah

Bagi penagih-penagih yang berkerja iaitu seramai 41 orang (lihat jadual 3) mereka menggunakan wang gaji mereka untuk membeli dadah. Seramai 6 orang penganggor semasa ada pekerjaan, juga menggunakan wang gaji mereka bagi tujuan yang sama. Bagi seorang penuntut sumber kewangan ialah bantuan biasiswa. Mereka kebanyakannya mempunyai pekerjaan yang pendapatan-nya adalah tendah iaitu pada puratanya dalam lingkungan \$200.00-\$300.00 sebulan. Jadi sudah tentu dari wang gaji sangat tidak mencukupi kerana mereka pada keseluruhan membelanjakan wang sebanyak \$200.00 - \$500.00 sebulan untuk dadah (lihat jadual 20). Akibatnya ramai dari mereka menjual barang-barang kepunyaan sendiri dan menggunakan wang simpanan. Barang-harang yang dijual termasuk pakaian, jam tangan, radio kaset dan cincin.

Walaybagaimanapun kebanyakan dari mereka iaitu 85% melakukan jenayah seperti mencuri barang keluarga dan barang orang lain, rasuah, menggugut dan mengedar dadah. Dari jadual 17 dapat dilihat bahawa yang terlibat dalam mencuri barang keluarga ialah seramai 10 orang, yang mencuri barang orang lain seramai 20 orang iaitu bilangan yang tertinggi sekali dan 11 orang pula terlibat dalam pengedaran dadah. Bilangan yang mengambil rasuah dan menggugut ialah seramai 4 dan 6 orang; tidak ramai yang menerima rasuah kerana kebanyakan dari responden tidak membuat pekerjaan yang boleh terdedah kepada raduah.

Selain dari itu boleh dilihat juga bahawa perbuatan jenayah dilakukan oleh semua penagih-penagih dadah yang berkerja sebagai buruh dan yang menganggor. Sebaliknya golongan pekerja yang lain hanya 50%



Illustration 9. Poster. Jahn, Seelbach




Illustration 10. Rausch-szenen
vom dänisch-schwedischen
Kino



Illustration 11. Drogenbau?

yang terlibat dengan jenayah. Sebab-sebab pekerja buruh dan pengangor melakukan jenayah mungkin mereka rasa tidak kerugian jika mereka ditangkap dari segi pembuangan kerja ataupun dari segi nama baik. Tapi bagi golongan lain mereka lebih cermat menggunakan wang gaji, wang simpanan dan juga penjualan barang-barang sendiri.

Kesanggupan mereka semua untuk melakukan jenayah jelas menunjukkan mereka terlalu terpengaruh kapada dadah terutama heroin dan sebaliknya tidak mahu meninggalkan penagihan mereka. Tentang gian yang menyiksakan dan kerosakan kesihatan sebenarnya tidak mereka hiraukan kerana mereka lebih pentingkan kepuasaan yang menghairahkan dari heroin.

3.5 Umur dan Dadah

Jadual 18 menunjukkan bahawa heroin merupakan dadah yang paling digemari oleh responden-responden tanpa mengira lingkungan umur mereka. Untuk ini hanya 47 orang (94%) yang telah menyalahgunakan heroin. Bagi ganja yang merupakan dadah yang keduapopuler dimana seramai 41 orang (82%) telah menyalahgunakannya, terdapat keseimbangan penggunaannya mengikut angkubah umur.

Sebaliknya bagi jenis-jenis dadah lain, kelihatannya lebih kerap digunakan oleh responden yang berumur dalam lingkungan 19-27 tahun. Seterusnya pil MX yang digunakan oleh 22 responden dimana 15 orang daripada mereka adalah dalam lingkungan umur 22-24 tahun dan bekinya iaitu 7 orang berada dalam lingkungan umur antara 19 hingga 21 tahun. Dengan lain perkataan pil MX lebih tertumpu kepada pemuda-pemuda yang agak dewasa tapi belum lanjut lagi umur mereka. Hal yang sama berlaku kapada penggunaan L.S.D. dimana tumpuannya ialah bagi responden yang berumur antara 19-24 tahun.

Heroin dan ganja lebih menyeluruh dari segi umur oleh kerana kedua jenis dadah ini lebih senang didapati dan juga paling digemari oleh penyalahguna-penyalahguna dadah. Manakala pil MX dan L.S.D. merupakan jenis-jenis yang jarang dan susah didapati dan juga lebih berligar dalam subbudaya dadah yang ramai anggota pemuda-pemuda yang melaewati umur 18 tahun. Namun demikian tidak ramai juga pemuda-pemuda dalam lingkungan umur tersebut yang tidak ada peluang untuk menggunakan dengan kedua jenis tadi kerana seperti yang dinyatakan diatas dadah-dadah ini sukar

didapati.

Bagi candu dan morfin, lingkungan umur bagi responden agak melahihhi lingkungan umur responden-responden yang menyalahgunakan MX dan L.S.D.:ini mungkin disebabkan bagi responden yang melewati umur 24 tahun merasakan dadah morfin dan candu bolih dijadikan substitute kapada penagihan heroin dan lagi kedua dadah tersebut agak senang didapati dimana pengedarnya selalu terdiri dari penghisap candu yang sudah tua seki baki dari pengguna candu dizaman pembukaan lombong bijeh timah di-Semangnjong Tanah Melayu ketika itu.

Dalam melihat kekerapan jenis dadah yang disalahgunakan, lingkungan umur diantara 22-24 tahun mengandungi responden yang puratanya menyalahgunakan sebanyak 3.5 jenis dadah. Lingkungan umur diantara 19-21 tahun mengandungi responden yang puratanya menggunakan 2.5 jenis dadah, manakala responden yang berumur dalam lingkungan 25-27 puratanya menyalahgunakan 2.1 jenis dadah dan responden yang berada dalam lingkungan umur dibawah 18 tahun dan diatas 31 tahun masing-masing menyalahgunakan 1.5 jenis dadah. Olih itu jelas bahawa responden yang berumur diantar 19-24 tahun puratanya pernah menyalahgunakan lebih dari 2.5 jenis dadah. Mengapa ini berlaku: pengarang berpendapat disebabkan oleh dua sebab. Pertama, responden-responden itu sudah agak lama melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah maka mereka lebih banyak peluang untuk dikenalkan dengan jenis dadah yang baru. Kedua, dalam lingkungan umur tersebut, pemuda-pemuda biasanya mempunyai sifat ingin yang lebih jadi mereka begitu cepat untuk mengambil dadah yang baru untuk memuaskan perasaan ingin tahu yang mereka rasakan.

Berkenaan dengan sebab yang yang pertama tadi iaitu lebih lama seorang itu terlibat dalam penyalahgunaan dadah, lebih banyak jenis dadah yang pernah mereka mengambil dapat disokongan oleh jadual 19. Bolih diperhatikan dari jadual tersebut dimana lebih lama tempoh penyalahgunaan dadah oleh seseorang itu lebih banyak jenis dadah yang disalahgunakan. Dengan lebih jelas lagi iaitu responden-responden yang 3-4 tahun menyalahgunakan dadah terdapat separoh dari mereka yang pernah

menggunakan lebih dari 3 jenis dadah dan seterusnya bagi responden-responden yang sudah terlibat dengan dadah selama 4-5 tahun mengandungi lebih kurang 44.4% yang pernah menyalahgunakan lebih dari 4 jenis dadah.

3.16 Rokok, Alkohol, Dadah dan Persekolahan

Penggunaan rokok dan alkohol ketika persekolahan oleh penyalahguna dadah dapat memberi gambaran bahawa mereka ada ciri perlakuan "deviant". Deviance atau pesongan ini adalah dalam bentuk pelanggaran terhadap peraturan sekolah yang melarang keras murid-murid sekolah dari menghisap rokok dan minum minuman keras. Seperti yang dapat dilihat dari jadual 21, seramai 41 orang (82%) dari responden sampel telah mengambil rokok ketika dalam persekolahan.

Jadi apabila mereka sudah biasa menghisap rokok yang mencirikan mereka sebagai deviants adalah lebih senang untuk mereka mengambil dadah setelah tamat persekolahan. Ramai dari responden mencapai didekan formal yang rendah maka setelah mereka keluar dari persekolahan, mereka tidak berkerja terus iaitu mereka menganggor. Dalam keadaan begini oleh kerana sifat deviance mereka senang bergaul dengan pemuda yang delinquent. Dalam kumpulan seperti ini sebenarnya dadah sudah tidak asing lagi malah seperti satu simbul kemegahan dan kehandalan. Dengan itu responden-responden jadi terpengaruh lalu menyalahgunakan dadah.

Mereka yang mengambil rokok dan alkohol ketika persekolahan tidak berbeda dari jenis responden yang hanya menhisap rokok. Mereka pernah mengambil alkohol mengkin oleh kerana mereka mendapat peluang mengambil alkohol ketika parti-parti ataupun mereka dibelanja minum alkohol oleh rakan mereka yang sudah berkerja. Sebanarnya mereka mengambil alkohol sekali-kala sahaja.

Berkenaan dengan responden yang sudah mengambil dadah ketika dalam persekolahan iaitu seramai 17 orang (34%) seperti yang ditunjukkan oleh jadual yang sama. Mereka adalah merupakan responden yang mendapat peluang melibatkan diri dengan rakan-rakan dewasa yang menjadi anggota

Fighting drug menace: How schools can help

KUALA LUMPUR, Thurs. — Welfare Services Minister Datuk Hajah Aishah Ghani said today a counselling service to guide parents and teachers on problems facing the young was necessary to fight drug abuse in the country.

It was also important, she added, that schools give priority to the teaching of the right values among the young.

She said at the opening of the Prevention of Drug Abuse Conference at the University of Malaya that rapid and economic tended to "family un-

Relig
was no
tanc
y"

fluenced into vices like drug abuse and prostitution.

The Minister also spoke of the lack of welfare programmes in factories to help workers adjust to their new life.

As a result, work could easily be led.

The young and the towns probably to drugs because not face the Hippies' sappo-

caus
dr

and reha
ment.

The
Bew
tel

Drugs: 3,676 students treated to half of drug addicts on treatment Malays: Director

MAJOR THREAT TO PROGRESS AND SECURITY, SAYS CNB CHIEF

KUALA LUMPUR, Thurs. — A total of 3,676 students treated in various hospitals in the country between 1973 and 1976 for drug abuse, according to figures given by the Director of the Central Narcotic Bureau, Encik Mohamed Jarjis bin Haji Ali, in a working paper on *The Problem of Drug in Malaysia* at the missionary seminar here yesterday.

In view of the increasing drug problem in Peninsular Malaysia, it has become a major concern of the national directorate of the Central Narcotic Bureau, Encik Mohamed Jarjis bin Haji Ali, in a working paper on *The Problem of Drug in Malaysia* at the missionary seminar here yesterday.

Other figures given by Encik Jarjis in the working paper were:

ALOR STAR, Thurs. — About half of the 2,501 drug addicts seeking treatment either voluntarily or on the advice of their parents and employers from October 1973 to December last year were bumiputras. They included 17 women.

However, most of the 3,128 people arrested last year for drug abuse were Chinese.

These figures were given by the Director of the Central Narcotic Bureau, Encik Mohamed Jarjis bin Haji Ali, in a working paper on *The Problem of Drug in Malaysia* at the missionary seminar here yesterday. He said a total of 4,549 drug addicts had received treatment in hospitals or prisons from 1973 up to the end of last year.

Other figures given by Encik Jarjis in the working paper were:

and prosecuted for drug abuse from 1970.

• A total of 379 Malaysians were arrested abroad for drug offences, including 105 in Singapore, 35 in the Netherlands and 51 in Germany.

• The number of arrests and seizures by police, Customs and Central Narcotic Bureau officers were increasing yearly.

Encik Jarjis said last year 5,126 people were arrested and 1,103 lbs. of opium, 60 lbs. of morphine and 155 lbs. of heroin were seized.

In 1975, 3,202 people were arrested and 1,836 lbs. of opium, 91 lbs. of morphine, 187 lbs. of heroin, 913 lbs. of dried ganja and 52,112 MX pills were seized. The authorities also destroyed 83,081 ganja plants.

Most of those arrested were between 17 and 35 years old. — Bernama.

Illustrasi 12.

Kempon-kempon Dadih

subbudaya dadah. Ataupun mereka mendapat mencuba dadah yang diperkenalkan oleh rakan sekolah yang sudah pun menyalahgunakan dadah. Mereka ini sebenarnya adalah deviants yang lebih radikal dari responden yang mengambil kedua rokok dan alkohol. Walaubagaimanapun kesemua responden itu menampakkan unsur-unsur "deviant behavior".

3.17 Perbelanjaan dan tempoh penyalahgunaan dadah

Beberapa jenis dadah seperti heroin dan morfin memberi kesan toleransi kepada penggunanya. Jadi lebih lama seorang itu menggunakan heroin maka lebih besar dose yang diperlukan untuk mendapat kesan yang sama. Peningkatan dose sudah tentu akan menambahkan perbelanjaan untuk mendapatkan dadah tersebut. Ini dapat dilihat dari jadual 2Q. Jika diperhatikan jadual tersebut penyalahguna-penyalahguna dadah yang telah menggunakan dadah lebih dari tiga tahun, dari jumlah 39 responden, 29 orang darinya membelanjakan lebih dari \$11.00 sehari. Sebaliknya bagi responden yang telah terlibat dengan penyalahgunaan dadah kurang dari 3 tahun, dari jumlah 11 orang, hanya 2 orang daripadanya yang membelanja lebih dari \$11.00 tapi seramai 9 orang pula membelanjakan kurang dari \$11.00.

3.18 Gambaran penuh Sequence penggunaan dadah (termasuk rokok dan alkohol)

Jika diperhatikan sequence penggunaan dadah (disamping rokok dan alkohol) seperti yang dibentangkan oleh jadual 22, dapat dinyatakan bahawa 48 orang responden (96%) sudah menggunakan rokok sebelum mereka menggunakan dadah. Dari jumlah itu, 43 responden mengambil alkohol sebelum menyalahguna dadah dan bakinya seramai 5 orang terus dari rokok kepada dadah. Hanya seorang responden yang memulakan dari alkohol kemudian rokok dan dadah dan seorang lagi terus kepada dadah. Oleh itu jelas bahawa sequence yang dominant ialah mula dari rokok, selepas itu alkohol dan kemudian baru dadah.

Sequence seperti ini dapat menerangkan bahawa penggunaan rokok mungkin merupakan satu rasionalisasi bagi responden untuk mengambil

dadah. Mereka seperti mengatakan bahawa rokok dan dadah tidak berbeda; jadi jika rokok tidak salah disisi undang-undang jadi dadah pun demikian. Sequence ini juga dapat menepati berhincangan diperenggan 3.16 yang serba sedikit menyatakan penggunaan rokok semasa persekolahan membuat mereka senang bergaul dengan rakan-rakan yang liar lalu terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Sequence lain yang agak ketara adalah yang menunjukkan bahawa ganja disalahgunakan lebih dahulu dari jenis dadah yang lain. Sequence ini berlaku pada 46 orang responden (92%) dan terdapat 28 responden (56%) yang mengambil heroin setelah ganja. Ganja lebih dahulu digunakan mungkin kerana ia senang didapati dan tidak merbahaya.

NOTA DAN RUJUKAN

1. Differential association yang dipelopori oleh Edwin H. Sutherland menekankan bahawa satu kelakuan jenayah adalah dipelajari melalui interaksi dengan penjenayah-penjenayah yang mahir berdasarkan hubungan yang "frequent, ada priority dan intensive". Dari interaksi ^{mempelajari} seperti inilah seorang ^{itu} teknik penjenayahkan serta arah "motives" dan "drives" dalam mendefinisikan legal code sebagai "favourable" dan "unfavourable".
Untuk lebih jelas lagi bolihlah rujuk Edwin H. Sutherland, "Differential Association" dalam buku The Sociology of Crime and Delinquency oleh Marvin E Wolfgang, Leonard Savitz dan Norman Johnston. m.s. 208-210.
2. Pegangan ugama diukur seperti berikut; responden yang berugama Islam disoal tentang pengetahuan ugamanya iaitu bagaimana ia memperdilinya kemudian tentang kekerapan mereka mergerjakan sembahyang lima waktu dan berpuasa sebelum mengambil dadah. Bagi yang berugama Hindu dan Buddhist pula, mereka ditanya seakan-akan serupa diatas tentang pengetahuan ugama dan kekerapan melakukan sembahyang.
3. Dalam P.H.Mussen, J.J. Conger dan J. Kagan , Child Development and Personality Harper and Row Publishers, New York. 1974. m.s. 23
4. Subbudaya adalah sebahagian dari budaya yang dominant. Jadi subbudaya dadah adalah satu budaya kecil dimana pengguna-pengguna dadah memperlihatkan cara interaksi, nilai-nilai dan cara hidup yang tersendiri dan bertentangan kepada ciri-ciri budaya yang dominant.

BAB 4 PENUTUP

Setelah membincangkan latar-belakang socio-ekonomi penyalahguna-penyalahguna dadah dibab 2 dan 3 maka perlulah dibuat satu liputan yang mehyeluruh keatas apa yang telah disentuh setakat ini. Dengan membuat kesimpulan ini dapatlah menimbulkan satu gambaran yang padat dan menanjol untuk renongan bersama. Seterusnya pengarang rasa tidak lengkap lapuran ini sekiranya tidak menjelaskan kelemahan-kelamahan yang tidak dapat dielakkan sepanjang process pengkajian ini. Penjelasan ini boleh bertindak sebagai satu ukuran atau penilaian keatas tingkat pencapaian setakat ini. Disamping bertindak sebagai satu ukuran, ia juga dapat memberi tauladan kepada bakal-bakal penyekidek keatas tajuk yang berkaitan. Akhir sekali pengarang ingin membuat beberapa syor-syor untuk kajian dimasa depan dimana perkara-perkara yang berkenaan tidak dapat dilaksanakan dalam kajian ini ataupun setelah pengarang temui ketika menjalani kajian.

4.1 Kesimpulan

Telah dinyatakan didalam bab 1, tujuan kanian adalah untuk mendapat bentuk-bentuk kategori manakah penyalahguna-penyalahguna dadah itu lebih dominant. Ini ialah untuk memandukan kita dalam mengenali bentukrupa satu kumpulan yang dikenali sebagai penyalahguna-penyalahguna dadah. Dengan tidak langsung ini telah dapat dijayakan setelah memerhatikan latar-belakang socio-ekonomi penggih-penagih itu sendiri, keluarga mereka, kediaman mereka dan juga beberapa aspek yang berkaitan dengan penggih-penagih.

Jadi anggapan yang boleh dinyatakan disini ialah bahawa lebih ramai penagih-penagih dadah terdiri dari pemuda-pemuda Melayu berbanding dengan ras Cina dan India. Hal ini berlaku mengikut pendapat pengarang ialah dengan adanya faktor differential association: satu konsep yang dikaitkan dengan Edwin H. Sutherland, seorang ahli Kriminologi dari Amerika Syarikat. Differential association membolihkan recruitment kepada

pengguna-pengguna dadah yang baru. Dengan itu bilangan anggota subbudaya dadah ini akan bertambah. Maka itu boleh dikatakan bahawa penagih-penagih dadah Melayu sudah sedia ramai pada mula-mula gejala dadah melanda Malaysia. Penjelasan ini bermakna bahawa faktor differential association menyebabkan ras Melayu suka mengambil dadah tapi ialah mencuba menyatakan yang faktor itu boleh menerangkan penyebaran penggunaan dadah.

Bukan itu sahaja, ciri-ciri lain yang telah ditonjolkan ialah dari segi pekerjaan dan pelajaran mereka. Tentang ini majoriti penagih-penagih mempunyai tingkat pekerjaan dan pelajaran yang agak rendah. Bila melihat hal tersebut setengah orang akan terus membuat kesimpulan bahawa mereka mengambil dadah oleh kerana mereka tidak pandai dan juga oleh kerana mereka tidak puas hati dengan pekerjaan yang rendah. Ini adalah melulu tanpa penyelidekan yang lebih terperinci. Mungkin ada faktor-faktor lain yang terlibat umpamanya keugamaan yang lemah ataupun masaalah-masaalah psikologikal. Maka itu pengarang menghadkan perbincangan seboleh-bolehnya kapada penjelasan fakta-fakta yang sediaada, iaitu phenomenologikal.

Kemudian, satu kesimpulan yang berhak mendapat perhatian ialah aspek penjenayahuan yang pernah dilakukan oleh kebanyakan respon den. Mereka memberitahu tujuan utama mereka melakukan jenayah bukan kerana mereka mahu kaya tapi ialah untuk membeli dadah. Nampaknya ini merupakan satu hasil kajian yang boleh dikatakan konkret dan berdasas. Dan lagi jenis-jenis jenayah yang mereka lakukan terhad kapada yang mendatangkan wang sahaja iaitu seperti mencuri, perasugut, rasuah dan sebagainya. Jenayah yang tidak mendatangkan wang seperti pergaduhan dan merogol tidak pernah mereka lakukan.

Tentang keluarga dan tempat kediaman, kajian telah tidak dapat menyokong pada anggapan umum bahawa penagih-penagih dadah mengalami masaalah keluarga dan datang dari kawasan setinggan. Kebanyakan keluarga mereka hidup aman damai dan mengenai rumah mereka sungguhpun tidak tersergam indah namun keadaannya tidak begitu buruk sangat. Yang agak kelihatan ialah ibudan bapa mereka tidak mengambil berat keatas mereka.

4.2 Kelemahan-kelemahan

- a) Sampel kajian bolih dikatakan kecil, maka itu tidak dapat mencapai hasil yang tinggi tingkat keyakinan saperti kiranya sampel itu besar.
- b) Kajian berdasarkan data-data dari penghuni-penghuni pusat pemulihan dadah; oih itu ada kemungkinan ianya biased, dari segi representation kepada population. Ini oih kerana pengarang berpendapat bahawa penagih-penagih yang datang dari keluarga atasan dan juga yang mempunyai kedudukan yang dihormati bisanya menemui dokter-dokter swasta bagi mendapatkan rawatan.

4.3 Syor-syor untuk Kajian

Perbezaan bilangan antara ras-ras bolih merupakan satu tajuk kajian yang menarik. Dengan ini pengarang ingin mengesyorkan bahawa dari ini, bolihlah diselidiki tentang persoalan mengapa perkara tersebut bolih terjadi; iaitu satu causal study. Adakah perbezaan ini disebabkan oleh faktor-faktor budaya, biologikal atau keadaan sekeliling.

Tajuk lain yang tidak kurang menarik dan penting ialah berkenaan dengan hal masaalah keremajaan dan sosialisasi. Satu kajian yang tersendiri dan terperinci mengenai persoalan mengapa ramai para remaja terlibat dengan dadah? DAN faktor masaalah keremajaan dan sosialisasi adalah dicadangkan untuk dipertimbangkan jika ingin mengkaji persoalan diatas.

4.4. Am

Pengarang ingin berterus terang disini bahawa kajian ini masih banyak memerlukan kajian-kajian lanjutan kiranya hasil yang perolehi betul-betul lengkap dan berjaya. Oih kerana itulah pengarang memuatkan syor-syor untuk kajian masa depan dimana pengarang rasa perkara tersebut memerlukan penyelidikan yang lebih terperinci dan tersendiri. Dengan perkataan lain, masaalah kajian ini adalah satu perkara yang masih baru dan belum lagi mendapat perhatian yang berat dari pihak kerajaan maupun dari pihak akademik diMalaysia. Dan kajian ini seakan-akan membuka jalan baru kepada kawasan luas yang menanti untuk diterokai.

Ras	bilangan responden	peratus	peratus penduduk
Melayu	35	70	24.5
Cina	9	18	58.0
India	6	12	16.5
Jumlah	50	100	99.0

Jadual 1. Distribusi responden mengikut ras dan dibandingkan peratus ras penduduk Wilayah Persekutuan

Umur	Ras			Jumlah
	Melayu	Cina	India	
bawah 18	1	1	-	2
19-21	12	3	-	15
22-24	16	1	4	22
25-27	5	2	2	8
28-30	-	-	-	-
atas 31	1	2	-	3
Jumlah	35	9	6	50

Jadual 2. Distribusi responden-responden mengikut umur dengan ras

Pekerjaan	Ras			Jumlah
	Melayu	Cina	India	
Penuntut	1	-	-	1
Penganggor	6	2	-	8
Pembantu kedai	2	3	1	6
Buruh	19	1	2	22
Perkeranian	5	2	1	8
Pekerja mahir	2	-	2	4
Peniaga	-	1	-	1
Jumlah	35	9	6	50

Jadual 3. Distribusi pekerjaan mengikut ras

Pelajaran	Ras				Jumlah
	Melayu	Cina	India		
Sekolah rendah	1	-	-		1
Tinkatan 1/2	4	2	-		6
L.C.E./S.R.P.	19	4	-		23
M.C.E./S.P.M.	9	3	4		15
Kolej/universiti	2	-	2		4
Jumlah	35	9	6		50

Jadual 4. Distribusi Pelajaran responden mengikut ras

Pekerjaan RESPONDEN	Pekerjaan Bapa								Jumlah
	Penganggor	Buruh	Pembantu kedai	Perkeranian	Pekerja mahir	Peniaga	Pegawai	Bersara	
Penuntut	-	-	-	-	-	-	-	-	1
Penganggor	-	4	-	-	-	2	-	2	8
Buruh	1	11	-	1	2	2	1	3	22
Pembantu kedai	3	-	-	-	1	1	1	1	6
Perkeranian	6	-	-	-	1	1	1	1	8
Pekerja mahir	-	1	-	-	1	-	2	-	4
Peniaga	1	-	-	-	-	-	-	-	1
Jumlah	2	25	1	1	4	6	5	6	50

Jadual 5. Perbandingan antara pekerjaan responden dengan pekerjaan bapa

Taraf Perkawinan	Ras			Jumlah
	Melayu	Cina	India	
Bujang	31	7	6	44
Berkawin	4	1	-	5
Bercerai	-	1	-	1
Jumlah	35	9	6	50

Jadual 6. Taraf perkawinan responden mengikut ras

Ugama	Pegangan Ugama			Jumlah
	Kuat	Sedang	Lemah	
Islam	5	8	22	35
Buddhist	-	2	6	8
Hindu	-	1	3	4
Freethinker	#	*	3	3
Jumlah	5	11	34	50

Jadual 7. Pegangan Ugama responden mengikut Ugama

Pelajaran Ibu	Pelajaran Bapa					Jumlah
	Tiada	Sek. Rendah	Rendah	sek. Men.	Sek. Men. Universiti/ Tinggi Kolej	
Tiada	7	7	1	1	-	16
Sek. Rendah	-	22	6	1	2	31
Sek. Men. Rendah	-	1	1	-	-	2
Sek. Men. Tinggi	-	1	-	-	-	1
Jumlah	7	31	8	2	2	50

Jadual 7. Distribusi Pelajaran Ibu/Bapa responden

*Dari kacamata pengarang, seorang freethinker dianggap lemah pegangan ugamanya sungguhpun ia tiada berugama.

Pelajaran responden	Pelajaran Bapa					Kolej/ Universiti	Jumlah
	Tiada	Sekolah Rendah	Sek. Men. Rendah	Sek. Men. Tinggi			
Tiada	-	-	-	-	-	-	-
Sek. Rendah	1	-	-	-	-	-	1
Tkg. 1/2	3	3	-	-	-	-	6
Sek. Men. Rendah	1	16	5	-	-	1	23
Sek. Men. Tinggi	2	9	2	2	-	1	16
Kolej/Universiti	-	3	1	-	-	-	4
Jumlah	7	31	8	2	2		50

Jadual 8. Perbandingan antara pelajaran responden dengan pelajaran bapa

Pekerjaan ibu	Pekerjaan bapa										Jumlah
	Meninggal	Menganggor	Buruh	Pembantu kedai	Petani	Pekeranian	Pekerja mahir	Berniaga	Pegawai	Bergsara	
Meninggal	-	-	2	-	-	-	-	-	2	-	4
Suri r/tangga	8	1	14	1	1	1	2	5	1	4	38
Berjaya	-	-	2	-	-	-	-	-	-	-	2
Buruh	1	-	1	-	-	-	-	-	-	-	2
Berniaga kecil	1	-	1	-	-	-	-	-	-	-	1
Bidan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1
Petani	-	-	-	-	2	-	-	-	-	-	2
Jumlah	10	1	19	1	3	1	2	5	3	5	50

Jadual 9. Pekerjaan bapa dan ibu responden

Pendapatan ibu/bapa	Bilangan responden
Bapa sudah meninggal \$— *	7
Kurang dari \$200 sebulan	15
200-400	14
400-600	9
600-800	1
800-1,000	1
Lebih dari \$1,000	3
Jumlah	50

Jadual 10. Pendapatan ibu/bapa responden **

Kedudukan ibu dan bapa	Bilangan responden
Ibu dan bapa ada	37
Bapa tiada	7
Ibu tiada	4
Bapa kawin lagi	2
Ibu dan bapa tiada	-
Jumlah	50

Jadual 11. Kedudukan ibu/bapa responden

Hubungan keluarga (antara ibu dan bapa)	Bilangan responden
Selalu bertengkar	7
Jarang bertengkar	10
Harmoni	15
Ibu atau bapa sudah meninggal	12
Rumahtangga responden harmoni	2
Rumahtangga responden tidak harmoni	4
Jumlah	50

Jadual 12. Hubungan keluarga

*Kesemua kes ini, ibu responden tidak berkerja

**Jumlah pendapatan kedua ibu dan bapa

Penagihan	Bapa	Ibu
Rokok	22	2
Alkohol	-	1
Rokok dan alkohol	9	-
Jumlah	31	3

Jadual 13. Penagihan ibu/bapa

Bilangan adik-beradik	bawah 2	3-5	6-9	atas 10	Jumlah
Bilangan responden	4	15	29	4	50
Peratus	8	30	58	8	100

Jadual 14. Peratus responden mengikut bilangan adik-beradik

Penginapan bersama-sama

	Kawan	Keluarga	Rumah tangga	Keluarga lain	Keluarga abang atau kakak	seorang diri	Jumlah
Bilangan responden	9	32	4	2	2	1	50
Peratus	18	64	8	4	4	2	100

Jadual 15. Peratus responden yang cara penginapan seperti diatas

Dadah	Ras				Jumlah
	Melayu	Cina	India		
Ganja	32	5	6	43	
Heroin	33	7	6	46	
Candu	13	1	4	18	
Morphine	5	-	3	8	
MX	14	4	4	22	
L.S.D.	2	1	1	4	
Jumlah	99	18	24	141	

Jadual 16. Jenis-jenis dadah yang disalahgunakan mengikut ras*

Pekerjaan	Jenayah					Bilangan responden
	mencuri barang keluarga	rasuah	mencuri mengugut	mengedar		
Pengangor	4	-	4	-	4	8
Buruh	3	3	11	5	5	22
Perkeranian	1	-	1	1	-	8
Pekerja mahir	1	1	1	-	-	4
Pembantu kedai	1	-	2	-	1	6
Peniaga	-	-	1	-	1	1
Jumlah	10	4	20	6	11	51 49

Jadual 17. Jenis-jenis jenayah yang dilakukan oleh penajah mengikut taraf pekerjaan (untuk membiayai ketaqih)**

* Responden-responden pada puratanya mengundukkan lebih dari satu jenis dadah sepanjang kegiatan pendadahan mereka.

** Responden-responden ada yang terlibat dalam lebih dari satu jenayah, Baris yang bawah sekali menunjukkan bilangan responden yang terlibat dalam satu-satu jenayah. Manakala ruangan bilangan responden menunjukkan bilangan responden yang penuh bagi satu-satu kategori.

Umur	Jenis dadah						Bilangan Jumlah responder
	Ganja	Heroin	Candu	Morphine	Mandrax	L.S.D.	
bawah 18	1	2	-	-	-	-	3 2
19-21	11	14	5	1	7	1	38 15
22-24	21	22	8	5	15	4	75 22
25-27	6	6	3	3	-	-	17 8
28-30	-	-	-	-	-	-	-
atas 31	2	3	-	-	-	-	5 3
Jumlah	41	47	16	9	22	5	138 50

Jadual 18. Kekerapan satu-satu dadah yang digunakan mengikut umur

Bilangan dadah	Tahun menagih					Jumlah
	1-2	2-3	3-4	4-5	5-	
1	1	1	1	-	-	3
2	4	4	4	2	6	20
3	-	1	3	3	3	10
4	-	-	2	3	6	11
5	-	-	-	1	2	3
6	-	-	-	-	3	3
Jumlah	5	6	10	9	20	50

Jadual 19. Perbandingan antara tempoh penagihan dengan jumlah dadah yang pernah disalahgunakan.

Perbelanjaan	Tahun menagih					Jumlah
	1-2	2-3	3-4	4-5	5-	
4-6	3	4	-	-	-	10
7-10	1	1	1	2	4	9
11-15	-	-	3	1	5	9
16-20	1	1	1	2	2	7
20-	-	-	5	4	6	15
Jumlah	5	6	10	9	20	50

Jadual 20. Perbandingan antara tempoh penagihan dengan jumlah perbelanjaan sehari

Dadah*	bilangan responden
Rokok	16
Rokok dan Alkohol	8
Rokok dan dadah	6
Rokok, alkohol dan dadah	11
Jumlah	41

Jadual 21. Penglibatan Pendadahan* ketika Persekolahan

Sequence Rokok, Alkohol dan dadah	Bilangan responden
Rokok, alkohol, ganja, heroin	19
Rokok, alkohol, ganja, MX, cанду	4
Rokok, alkohol, heroin	4
Rokok, alkohol, ganja, heroin, morfin, cанду, MX	3
Rokok, alkohol, ganja, cанду, heroin	3
Rokok, alkohol, ganja, cанду, heroin, L.S.D.	3
Rokok, alkohol, ganja, heroin, MX	2
Rokok, alkohol, ganja, MX, heroin, morphine	2
Rokok, alkohol, ganja, heroin, cанду, MX, morfin, L.S.D.	2
Rokok, alkohol, ganja, cанду, heroin, MX, L.S.D.	1
Alkohol, rokok, heroin, ganja, cанду, MX, heroin, morfin	1
Rokok, ganja, alkohol, cанду, MX, heroin, morfin, L.S.D.	1
Rokok, ganja, heroin, cанду, MX	1
Rokok, ganja, alkohol, morfin, cанду, heroin	1
Rokok, ganja, alkohol, MX, heroin, L.S.D.	1
Ganja, heroin, MX	1
Jumlah	50

Jadual 22. Sequence Pendadahan*

* Penggunaan konsep dadah atau pendadahan disini adalah menurut definasi yang longgar dimana rokok dan alkohol dianggap sebagai dadah.

Bibliografi

1. Chein, Isidor dan rakan-rakan Narcotics, Delinquency and Social Policy Tavistock Publication London 1959.
2. Eriche Goode Drugs in American Society Random House New York, 1962
3. Herbert A. Bloch dan Gilbert Geiss Man, Crime and Society Random House, New York, 1962.
4. Halimahtun Khalid A Phenomenological Study of Narcotic Smuggling in West Malaysia 1970-1976 Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya 1975.
5. Moser C. A. Survey Methods in Social Investigation Reprinted 1969, Heinemann Education Book Ltd.
6. Mc Grath J.H. dan F. R. Scapitti Youth and Drugs Scott, Foresman 1970.
7. Mussen F. H., J.J. Conger dan J. Kagan Child Development and Personality Harper and Row Publication, New York 1974.
8. Navaratnam V. dan S.P. Spencer Mediwo-Social Study of Drug Dependents Volunteering for Treatment at General Hospital Penang.
9. Newsweek keluaran 10hb April 1977.
10. Ordinan Dadah Merbahaya 30/1952
11. Sher Jordan Pattern and Profiles of Addiction and drug Use dalam Youth and Drugs. op. cit.
12. Roebuck Julian The Negro Drug Addict as an Offender Type Journal of Criminal Law, Criminology and Police Science LIII March 1962

13. The New Strait Times 16hb April 1977
14. _____ 20hb April 1977
15. The Star 19hb April 1977
16. Suara Merdeka 19hb Oktober 1977
17. Seminar Mengenai Penyalahgunaan Dadah Pada 10hb Ogos 1976 di-Institiut Penyelidikan Perubatan, Kuala Lumpur.
18. The New Encyclopaedia Macropaedia Volume 14.
19. Selltitz C. dan rakan-rakan Research Methods in Social Relations Holt, Rinehart and Winston, New York 1959.
20. Wolfgang M.E., Leonard Savitz dan N. Johnston The Sociology of Crime and Delinquency John Wiley, New York. 1970

1. Umur
2. Lelaki/Perempuan
3. Bangsa
4. Pekerjaan
5. Pendapatan sebulan
6. Pekerjaan bapa anda
7. pendapatan sebulan
8. Pekerjaan ibu anda
9. Pendapatan sebulan
10. Apakah taraf pelajaran anda yang paling tinggi?
 1. Peringkat sekolah rendah
 2. sekolah menengah rendah
 3. Sekolah menengah atas
 4. Kolej/prä-Universiti
 5. Universiti
 6. Tiada
11. Apakah taraf pelajaran bapa anda?
 1. Sekolah rendah
 2. Sekolah menengah rendah
 3. Sekolah menengah tinggi
 4. Kolej/prä-Universiti
 5. Universiti
 6. Tiada
12. Apakah taraf pelajaran ibu anda?
 1. Sekolah rendah
 2. Sekolah menengah rendah
 3. Sekolah menengah tinggi
 4. Kolej/Pra-Universiti
 5. Universiti
 6. Tiada
- 13 Taraf perkawinan:
 14. Jika sudah berkawin, berapa orang anak anda
 15. Berapakah bilangan adikberadik anda dan anda yang keberapa?
 - 16.

16. Apakah bentuk perumahan anda sekarang?
1. Bilik sewa
 2. Rumah satu/dua tingkat
 3. Rumah banglow
 4. Rumah pangsa
 5. Rumah papan
17. Adakah perumahan sekarang lebih baik dari rumah dimana anda dibesarkan?
1. Jauh lebih susah
 2. Agak susah
 3. Serupa
 4. Agak baik
 5. Jauh lebih baik
18. Berapa orang yang tinggal bersama-sama anda?
1. Isteri dan anak
 2. Isteri, anak dan ibu/bapa
 3. Rakan-rakan
 4. Seorang diri
 5. Bersama keluarga
19. Rumah anda mempunyai berapa bilik?
20. Bagaimana anda menilai keadaan rumah anda?
1. Sangat buruk
 2. Buruk
 3. Sederhana
 4. Baik
 5. Sangat baik
21. Jika \$200.00 sebulan ialah pendapatan purat keluarga anda, bagaimana anda menilai pendapatan tersebut?
1. Kurang dari biasa
 2. Biasa
 - Lebih dari biasa
 4. Jauh lebih dari biasa
22. Pernahkah anda dimasukkan kehospital kerana sesuatu penyakit?
- Fizikal
2. Psikologikal
 3. Dua fizikal dan psikologikal
 4. Pemulihan ketacuhan dadah

23. Adakah ahli keluarga anda pernah mengidap kekacauan jiwa?
1. Ya, terangkan
 2. Tidak
24. Adakah ahli keluarga anda pernah mengidap ketagihan dadah?
1. Ya, terangkan
 2. Tidak
25. Pernahkah anda diberkas kerana sesuatu kesalahan undang-undang?
1. Ya, terangkan
 2. Tidak
26. Adakah anda pernah diberhentikan kerja?
1. Ya, terangkan
 2. Tidak
27. Adakah ahli keluarga anda pernah diberkas kerana kesalahan tertentu?
1. Ya, terangkan
 2. Tidak
28. Sejak berapa lama anda mula menggunakan dadah?
29. Antara dadah-dadah dibawah mana yang anda pernah gunakan?
(Tolong bulatkan dan tunjukkan dadah perama dengan membubuhkan 1 di sebelahnya, kedua dengan 2 dan seterusnya)
1. Rokok
 2. Alkohol
 3. Ganja
 4. Candu
 5. Morphine
 6. Heroin
 7. Pil MX
 8. L.S.D.
30. Mengapa anda menggunakan dadah?
31. Mengapa anda terus menggunakan dadah?
32. Berapakah jumlah perbelanjaan yang anda belanjakan untuk dadah dalam sehari? Ganja candu morphine heroin pil MX L.S.D.
1. Kurang dari \$1.00
 2. Kurang dari \$3.00
 3. Kurang dari \$5.00
 4. \$5.00-\$10.00
 5. \$10.00-\$20.00
 6. Lebih dari \$20.00

33. Semasa anda mula menggunakan dadah, adakah anda mengetahui tentang bahaya dadah?
Ya/tidak
34. Mengapa anda mahu berhenti dari menggunakan dadah?
35. Sejauh manakah pengetahuan ugama anda?
1. Sangat luas
 2. Mencukupi
 3. Kurang luas
 4. Sedikit
36. Bagi anda yang berugama Islam berapa waktu sehari anda mengerjakan sembahyang?
37. Pada masa anda belum menagih anda berpuasa berapa lama sebulan?
38. Bagi anda yang berugama Buddhist, berapa kerap anda sembahyang?
39. Bagi anda yang berugama Kristian berapa minggu sebulan anda mengunjungi gereja?
40. Bagi anda yang berugama Hindu berapa kali seminggu anda sembahyang?
41. Latarbelakang keluarga
1. Ibu dan bapa masih hidup
 2. Ibu sudah meninggal
 3. Bapa sudah meninggal
 4. Ibu dan bapa sudah meninggal
 5. Ibu dan bapa sudah bercerai
 6. Ibu atau bapa kawin lagi
42. Ketika ibu/bapa meninggal atau bercerai umur anda berapa tahun?
43. Adakah ibu dan anda selalu bertengkar?
1. Tidak pernah
 2. Jarang-jarang
 3. Selalu
44. Cuba ceritakan masaalah-masalah yang pernah anda hadapi?
45. Keadaan ekonomi diMalaysia sedah pesat membangun dan orang-orang berlumba-lumba untuk mendapat kedudukan yang baik. Bagaimana anda anggap tentang peluang-peluang untuk mendapat kedudukan yang baik?
46. Apakah cara-cara anda menggunakan dadah?
47. Apakah kesan yang anda dapat dari dadah?
48. Dari manakah sumber wang untuk membeli dadah?

49. Bagaimakah mula-mula sekali anda bolih menggunakan dadah dan dadah-dadah yang berikut?
50. Dimanakah anda mengambil dadah selalunya?
51. Sejak bilakah ibu/bapa/penjaga tahu anda mengambil dan apa tindakan mereka?
52. Apakah cita-cita anda semasa kecil?
53. Dari kawan menagih;

Ganja heroin morfin candu pil MX L.S.D.

Bilangan

Bangsa

53. Nyatakan bentuk jenayah yang anda lakukan?